

"KECELAKAAN besar bagi orang-orang yang curang dalam timbangan dan sukatan. Iaitu mereka yang apabila menerima sukatan (gantang-cupak) dari orang lain mereka mengambilnya dengan cukup. Dan sebaliknya apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka menguranginya".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Muthaffifin, ayat 1 - 3.

"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengukuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin.
Wahabunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

Naubat sempurna dibuka semula

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 31 Mei. - Naubat sempurna dibuka semula berikutan kembalinya ke rahmatullah Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Haji Umar bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong pada Jumaat, 12 Mei yang lalu.

Majlis Istiadat Membuka Naubat berlangsung di Lapau di sini di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Bacaan Tahlil dipimpin oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin, yang kemudiannya mengetuai bacaan Doa Tahlil dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Majlis disusuli dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustapa bin Haji Murad.

Berikutan kembalinya ke rahmatullah Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Haji Umar, Naubat ditutup selama 20 hari.

>> Muka 14

BERKENAN SAKSIKAN MAJLIS MENANDATANGANI DOKUMEN PERKAHWINAN, AKAD NIKAH DIRAJA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Majlis Menandatangani Dokumen Perkahwinan dan Akad Nikah Diraja dan keberangkatan tiba baginda dialu-alukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah II ibn Al Hussein, Raja Jordan. - Foto : Hos Foto (Lihat muka 3).

Penuhi pensyaran taat kepada Allah, terhindar dari kesukaran

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis

AMMAN, JORDAN, Khamis, 1 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menzhahirkan perasaan gembira dan

memanjakan rasa syukur kerana dapat bersua muka dengan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) di Jordan bagi membolehkan baginda untuk mengetahui keadaan mereka khasnya para pelajar yang sedang meneruskan pengajian mereka.

>> Muka 4

Bersama sumbang bakti, tingkat tahap kesihatan masyarakat

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

LONDON, UNITED KINGDOM, Khamis, 1 Jun. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menghadiri sesi perjumpaan dan dialog bersama penuntut-penuntut dan pegawai-pegawai di dalam bidang perubatan, pergigian dan Profesional Kesihatan Bersekutu (Allied Health Professional), termasuk yang mengikuti Kursus Kepakaran, berlangsung di London, United Kingdom pada 28 Mei 2023 lalu.

Delegasi daripada Kementerian Kesihatan diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan, yang juga disertai oleh Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam (NBD) ke United Kingdom, Tuan Yang Terutama Laksamana Pertama (B) Pengiran Dato Seri Pahlawan Norazmi bin

Pengiran Haji Muhammad dan Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Dr. Awang Ang Swee Hui serta Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Kesihatan.

Pada sesi tersebut, Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah pun memberikan ucapan yang antara lain menyentuh mengenai usaha pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mendukung hasrat negara dalam mencapai Wawasan Brunei 2035 dari segi meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk NBD melalui perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang terbaik.

>> Muka 18



Berita Utama



KHEU adakan Majlis Doa Selamat, Penyampaian Derma Muka 15



PPDB adakan Doa Selamat bagi bakal jemaah haji Muka 20



314 projek pameran kreativiti pelajar Muka 24



PENAPIS air berkualiti jamin air minum sihat, bebas bahan cemar Muka 27

BERANGKAT KE MAJLIS RESEPSI, SANTAP MALAM



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Hamzah Mohidin, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Hos Foto

AMMAN, JORDAN, Khamis, 1 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Resepsi dan Santap Malam sempena Istiadat Perkahwinan Diraja bagi His Royal Highness Prince Al Hussein bin Abdullah II, Putera Mahkota Jordan dengan Miss Rajwa Khalid Alseif yang berlangsung pada sebelah

malam ini, di Istana Al-Husseinieh. Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah. Semasa Majlis Resepsi berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkesempatan beramah mesra bersama Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah II ibn Al Hussein, Raja Jordan dan Her Majesty Queen Rania Al Abdullah, Permaisuri Jordan serta His Royal Highness Prince Al Hussein, Putera Mahkota Jordan dengan Miss Rajwa Khalid Alseif. Selepas Majlis Resepsi berkenaan, Kebawah DYMM kemudiannya dijunjung berangkat menghadiri Majlis Santap Malam bersama para tetamu khas yang lain termasuk daripada ahli-ahli kerabat diraja serta para pemimpin dari luar negara. Kebawah DYMM seterusnya juga akan menghadiri satu Majlis Resepsi dan Santap Malam yang lain pada hari esok.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Resepsi dan Santap Malam sempena Istiadat Perkahwinan Diraja bagi His Royal Highness Prince Al Hussein bin Abdullah II, Putera Mahkota Jordan dengan Miss Rajwa Khalid Alseif yang berlangsung di Istana Al-Husseinieh. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (kiri, atas dan bawah).



WAKTU SEMBAHYANG										
MEI MASIHI	HARI	ZULKAEDAH HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
3	SABTU	14	4.33	4.43	6.07	6.31	12.19	3.44	6.30	7.45
4	AHAD	15	4.33	4.43	6.07	6.31	12.20	3.45	6.30	7.45
5	ISNIN	16	4.33	4.43	6.07	6.31	12.20	3.45	6.30	7.46
6	SELASA	17	4.33	4.43	6.07	6.31	12.20	3.45	6.31	7.46
7	RABU	18	4.33	4.43	6.07	6.31	12.20	3.46	6.31	7.46
8	KHAMIS	19	4.33	4.43	6.07	6.31	12.20	3.46	6.31	7.47
9	JUMAAT	20	4.33	4.43	6.07	6.32	12.20	3.46	6.31	7.47

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan			
34 26 °C	34 26 °C	33 26 °C	
Pekan Bangar			
34 25 °C	34 25 °C	32 25 °C	
Pekan Tutong			
34 26 °C	34 26 °C	32 25 °C	
Kuala Belait			
34 26 °C	34 26 °C	32 26 °C	

Wallahuallam Bissawab
 Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

3 JUN 2023

Perbaiki komunikasi, belajar untuk mendengar secara aktif

MENDENGAR secara aktif adalah satu kemahiran komunikasi. Apabila kita boleh mendengar secara aktif ini bermakna kita bukan sekadar mendengar perkataan yang dicakapkan oleh orang lain kepada kita tetapi kita juga berusaha untuk memahami maksud atau makna kata-kata yang disampaikan. Apabila seseorang itu bercakap dengan kita dan kita mendengar secara aktif, ini bermakna kita akan hadir sepenuhnya secara mental dan fizikal dan akan dapat memberi tumpuan kepada apa yang sedang dicakapkan dan tidak akan membiarkan diri kita terganggu.

Antara cara lain untuk menjadi pendengar aktif adalah dengan menunjukkan minat dan mengekalkan *eye contact* apabila seseorang itu bercakap dengan kita. Kita akan cuba untuk lebih peka kepada isyarat-isyarat bukan lisan seperti nada suara, keadaan emosi dan bahasa badan yang lain untuk membantu kita untuk benar-benar memahami apa yang ingin disampaikan oleh orang yang bercakap dengan kita itu. Apabila kita mendengar secara aktif, ini juga bermakna kita mendengar bukan sekadar untuk menjawab tetapi untuk memahami dan memberi maklum balas yang bermakna. Sebagai pendengar aktif, kita akan menahan diri kita dari menilai dan memberi nasihat kepada orang yang bercakap dengan kita melainkan mereka yang meminta nasihat.

Kita perlu kekal neutral dan tidak dalam respons anda membolehkan orang lain berasa selesa dengan berkongsi fikiran mereka. Ia menjadikan perbualan sebagai zon selamat di mana mereka boleh dipercayai bahawa mereka tidak akan dimalukan, dikritik, dipersalahkan atau sebaliknya diterima secara negatif. Kesabaran adalah teknik mendengar aktif yang penting kerana ia membolehkan orang lain bercakap tanpa gangguan. Ia juga memberi mereka masa untuk menyatakan apa yang mereka fikirkan tanpa perlu anda cuba menghabiskan ayat mereka untuk mereka.

Mendengar dengan aktif boleh membantu memantapkan cara kita berkomunikasi dengan keluarga kita, kawan-kawan dan orang-orang di tempat kerja kita. Mendengar secara aktif adalah penting kerana ia boleh membantu mengukuhkan hubungan kita dengan orang di sekeliling kita serta mengekalkan suasana positif. Ini adalah kerana apabila kita menjadi pendengar aktif, orang-orang yang bercakap dengan kita akan merasakan diri mereka didengari dan dihargai. Adalah wajar untuk kita mengasuh diri kita supaya mahir mendengar untuk membantu mengekalkan atau memperbaiki hubungan kekeluargaan, hubungan dengan sahabat dan juga rakan sekerja. Ia akan membantu memperbaiki cara kita berbual dalam apa juga suasana dan situasi sosial. - **Ketua Penyuntingan (Nr)**

Berkenan saksikan Majlis Menandatangani Dokumen Perkahwinan, Akad Nikah Diraja



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Menandatangani Dokumen Perkahwinan dan Akad Nikah Diraja dan keberangkatan tiba baginda dan paduka anakanda baginda dialu-alukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah II ibn Al Hussein, Raja Jordan dan Her Majesty Queen Rania Al Abdullah, Permaisuri Jordan (atas) manakala gambar kanan, baginda ketika menyaksikan Majlis Menandatangani Dokumen Perkahwinan dan Akad Nikah Diraja.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berada di Royal Gazebo bagi menyaksikan Majlis Menandatangani Dokumen Perkahwinan dan Akad Nikah Diraja, His Royal Highness Prince Al Hussein bin Abdullah II, Putera Mahkota Jordan (atas) manakala gambar kanan, paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen menzahirkan ucapan tahniah kepada pasangan Mempelai Diraja.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Hamzah Mohidin, Muhammad Asri Haji Awang Abas,
Hos Foto

AMMAN, JORDAN, Khamis, 1 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Menandatangani

Dokumen Perkahwinan dan Akad Nikah Diraja yang berlangsung pada petang ini di Istana Zahran, Amman, Kerajaan Hasyimiah Jordan.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri



Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Kebawah DYMM seterusnya berangkat ke Royal Gazebo bagi menyaksikan Majlis Menandatangani Dokumen Perkahwinan dan Akad Nikah Diraja di antara His Royal Highness Prince Al Hussein bin Abdullah II, Putera Mahkota Jordan dengan Miss Rajwa Khalid Alseif.

Sebelum berangkat balik, Kebawah DYMM menzahirkan ucapan tahniah kepada pasangan Mempelai Diraja atas berlangsungnya istiadat perkahwinan berkenaan.

His Royal Highness Prince Al Hussein yang merupakan putera sulung kepada Raja Jordan dan Permaisuri Jordan dan Miss Rajwa Khalid Alseif yang berasal dari Arab Saudi, kemudiannya dibawa dalam satu perarakan menuju ke Istana Al-Husseinieh.



SUASANA Majlis Menandatangani Dokumen Perkahwinan dan Akad Nikah Diraja di antara His Royal Highness Prince Al Hussein bin Abdullah II, Putera Mahkota Jordan dengan Miss Rajwa Khalid Alseif di Royal Gazebo.

PENUHI PENSYARATAN TAAT KEPADA ALLAH, TERHINDAR DARI KESUKARAN

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis

Foto : Hamzah Mohidin, Muhammad Asri Haji Awang Abas

>> Muka 1

Bertitah sempena Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk serta Penuntut NBD yang berada di Kerajaan Hasyimiah Jordan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya menjelaskan bahawa meskipun jumlah para pelajar di Jordan adalah kecil, namun ia sangat bermakna kepada negara.

Oleh itu, dalam titah, baginda menyifatkan para pelajar berkenaan adalah bertaraf 'duta' kepada negara, bagi menjalinkan hubungan mesra di antara NBD dan Jordan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selanjutnya bertitah bahawa siapa yang mengenali para pelajar kita, dengan sendirinya adalah mengenali Brunei.

Jika elok mereka, titah baginda, maka eloklah Brunei. Begitu juga sebaliknya, kalau buruk mereka, maka buruklah Brunei. Untuk itu,

tegas baginda, para pelajar hendaklah mengutamakan akhlak yang baik, dengan ugama pula menjadi pegangan yang kuat.

Menyentuh mengenai terlalu banyak anasir yang bergiat untuk membawa kepada keburukan di era globalisasi ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menekankan bahawa anasir-anasir ini ada di mana-mana, seperti di dalam rumah, sepejabat atau sekuliah dengan kita, atau di mana sahaja, sedang mereka itu, tidak mudah untuk dikenali, kecuali kalau ada petunjuk dan pertolongan dari Allah, maka barulah kita akan terselamat daripada kejahatan mereka.

Untuk mendapatkan keselamatan itu, titah baginda, hendaklah memenuhi pensyaran taat kepada Allah. Ke arah ini, baginda berharap agar para pelajar akan memenuhi persyaran ini bagi memperolehi jalan keluar dan terhindar daripada segala kesusahan, sekali gus akan lebih mudah untuk mencapai kejayaan dalam pengajian, sebagai anugerah, atau balasan daripada ketaatan mereka.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk serta Penuntut Negara Brunei Darussalam yang berada di Kerajaan Hasyimiah Jordan.

Kejayaan para pelajar, titah Kebawah DYMM lagi, adalah sentiasa diinginkan kerana mereka sangat diperlukan oleh negara sebagai agen pembangunan yang berkesan, sama ada pembangunan kebendaan mahupun pembangunan di bidang kerohanian.

Pada mengakhiri titah,

Kebawah DYMM mengingatkan bahawa para pelajar berhadapan dengan masa depan yang serba sukar. Oleh itu, sumber tenaga manusia yang hebat adalah sangat diperlukan untuk menghadapinya, di mana sumber tenaga ini boleh didapati melalui pusat-pusat pengajian tinggi yang diiktiraf.

Dalam hubungan ini, titah

baginda, para pelajar disifatkan sebagai orang-orang yang beruntung kerana berpeluang untuk menjadi pelajar di pusat-pusat pengajian tersebut, sekali gus berpeluang untuk menjadi pemimpin di masa hadapan. Untuk itu, jangan disia-siakan peluang berkenaan kerana peluang hanya datang sekali sahaja.

Berangkat bercemar duli, beramah mesra bersama rakyat NBD di Jordan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk serta Penuntut Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berada di Kerajaan Hasyimiah Jordan, hari ini.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Hamzah Mohidin, Muhammad Asri Haji Awang Abas

AMMAN, JORDAN, Khamis, 1 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk serta Penuntut Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berada di Kerajaan Hasyimiah Jordan, hari ini.



Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka

Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

>> Muka 5



KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda pada Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk serta Penuntut Negara Brunei Darussalam yang berada di Kerajaan Hasyimiah Jordan (atas dan kanan).



>> Muka 4

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Hotel InterContinental Amman, Jordan, dijunjung oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Kerajaan Hasyimiah Jordan, Tuan Yang Terutama Haji Mahadi bin Haji Maidin dan Yang Di-Pertua (YDP) dan Naib YDP Persatuan Pelajar NBD di Jordan, Awang Muhammad Hisyamuddin bin Haji Mahadini serta Awang

Muhammad Khairul Azmi bin Haji Hassan.

Sejurus selepas itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung berangkat bagi menghadiri Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk serta Penuntut NBD yang berada di Jordan.

Kemudian, Doa Selamat dibacakan oleh Awang Amirul Amin bin Abdullah dari Universiti Jordan. Sebelum Majlis Santap bermula, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan titah.

Terdahulu sebelum itu, YDP Persatuan Pelajar NBD (Brunei Students' Union - BSU) di Jordan, dalam sembah alu-aluannya menyebarkan rasa syukur dan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM dan kerajaan baginda atas peluang yang diberikan kepada mereka untuk mengikuti pengajian di luar negeri, khususnya di Jordan termasuk dihulurkan kemudahan-kemudahan seperti

pengurniaan elaun untuk membiayai perbelanjaan tempat tinggal, pengangkutan, penjagaan kesihatan dan perbelanjaan yang berkaitan.

Dalam menjunjung titah Kebawah DYMM semasa Majlis Haflut Takharuj Ke-5 Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengenai peranan graduan untuk menjamin survival agama dan negara serta penggunaan dan penguasaan bahasa Arab, sesuai

dengan kedudukannya sebagai bahasa Al-Quran, YDP BSU menekankan bahawa peluang belajar dengan masyaikh dan ulama di pusat pengajian tinggi Islam di Jordan adalah sangat besar ertinya, agar para penuntut menjadi graduan yang memiliki ilmu pengetahuan agama yang mantap yang dapat mengimbangkan tuntutan duniawi dan ukhrawi.

>> Muka 6



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan berangkat bercemar duli dan beramah mesra bersama rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam termasuk pegawai-pegawai kerajaan serta para mahasiswa dan mahasiswi yang sedang mengikuti pengajian di universiti-universiti terkemuka di Jordan (atas kiri dan atas kanan). Manakala gambar kanan, Yang Di-Pertua Persatuan Pelajar Negara Brunei Darussalam di Jordan, Awang Muhammad Hisyamuddin bin Haji Mahadini dalam sembah alu-aluannya.

MAJLIS Bersama Rakyat dan Penduduk serta Penuntut Negara Brunei Darussalam di Jordan ini memberikan peluang keemasan kepada mereka untuk berjunjung ziarah di samping mengongsikan perkembangan pengajian masing-masing ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia (atas kiri dan atas kanan).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan paduka anakanda baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

>> Muka 5

Manakala pengalaman berharga belajar dan hidup dalam suasana dan persekitaran di mana bahasa Arab adalah bahasa rasmi, dapat membantu dalam mempraktikkan dan memperkukuhkan penggunaan

bahasa Arab.

Oleh yang demikian, bahasa Arab merupakan kunci bagi memahami rahsia-rahsia ilmu yang terdapat di dalam Al-Quran, hadis Nabawi dan kitab-kitab muktabar.

Akhir sekali, YDP BSU menyatakan bahawa segala ilmu

dan kemahiran serta pengalaman belajar yang diperoleh di luar negara ini akan dinilai untuk diguna pakai demi menyumbang ke arah kemajuan dan pembangunan masyarakat, bangsa, ugama dan NBD.

Kebawah DYMM kemudiannya berangkat bercemar duli dan

beramah mesra bersama rakyat dan penduduk NBD termasuk pegawai-pegawai kerajaan serta para mahasiswa dan mahasiswi yang sedang mengikuti pengajian di universiti-universiti terkemuka di Jordan khususnya di dalam Pengajian Islam, Fiqh, Syariah,

Usuluddin dan Kewangan Islam.

Majlis ini, antara lainnya, memberikan peluang keemasan kepada mereka untuk berjunjung ziarah di samping mengongsikan perkembangan pengajian masing-masing ke hadapan majlis Kebawah DYMM.

BERANGKAT TIBA DI AMMAN, KERAJAAN HASYIMIAH JORDAN



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Hamzah Mohidin, Muhammad Asri Haji Awang Abas



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Amman, Kerajaan Hasyimiah Jordan untuk menghadiri Istiadat Perkahwinan Diraja bagi anakanda kepada Raja Jordan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah II ibn Al Hussein iaitu Putera Mahkota Jordan, His Royal Highness Prince Al Hussein dengan Miss Rajwa Khalid Alseif. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas, atas kiri dan kiri).

AMMAN, JORDAN, Rabu, 31 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, malam ini berangkat tiba di Amman, Kerajaan Hasyimiah Jordan untuk menghadiri Istiadat Perkahwinan Diraja bagi anakanda kepada Raja Jordan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah II ibn

Al Hussein iaitu Putera Mahkota Jordan, His Royal Highness Prince Al Hussein dengan Miss Rajwa Khalid Alseif.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Royal Pavilion, Lapangan Terbang Antarabangsa Queen

Alia, Amman dijunjung Minister of Tourism and Antiquities, Tuan Yang Terutama Makram Mustafa Al-Queisi dan Mayor of Amman, Tuan Yang Terutama Dr. Yousef Al-Shawarbeh.

Juga hadir bagi menjunjung keberangkatan tiba baginda ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Kerajaan Hasyimiah Jordan, Tuan Yang Terutama Haji Mahadi bin Haji Maidin.

Istiadat Perkahwinan Diraja berkenaan akan berlangsung pada 1 Jun 2023.

ABDB PERLU KOMITED MENJAGA KEDAULATAN, KEAMANAN NEGARA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Upacara Perbarisan Raksasa Sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) ABDB Ke-62 Tahun di Pangkalan Tentera Udara, Rimba, Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB).

RIMBA, Rabu, 31 Mei. - Dalam keadaan sekarang semua negara kecil dan besar sama-sama perlu membina persekitaran dalaman, kawasan rantau dan sejagat yang aman dan damai.

Oleh itu, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) perlu terus komited dalam menjaga kedaulatan dan keamanan Negara Brunei Darussalam (NBD) dan dalam masa yang sama menghormati dan memperbaiki hubungan dengan negara-negara lain.

Dengan menyedari bahawa membina kekuatan bukanlah kerja yang mudah, ia sangat bergantung kepada keutuhan organisasi dan keberkesanan kepimpinan, justeru ABDB yang kecil boleh menjadi kuat dengan adanya kesatuan yang kukuh dan kebijaksanaan membentuk struktur serta mempunyai keupayaan tempur, kapasiti anggota, logistik dan kepimpinan yang berkualiti.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menggariskan mengenai perkara berkenaan sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-62 yang berlangsung di Pangkalan Tentera Udara Rimba, Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), di sini pagi tadi.

Menyentuh mengenai kepimpinan, dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berharap supaya model kepimpinan ABDB yang berpaksikan nilai-nilai teras ABDB, Maqasid Syariah dan falsafah Melayu Islam Beraja akan benar-benar dapat difahami, dihayati dan diamalkan sebagai panduan utama oleh semua peringkat pemimpin ABDB.

"Dalam usaha memantapkan keupayaan dan mengambil sukut baik hari yang bersejarah ini, beta sukacita memperkenalkan penubuhan Skuadron Pesawat

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Masri Osman, Mohd. Sahrizal Haji Said, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Muhammad Khalid Doughty

Taktikal Armada dan pembesaran Skuadron Peronda bagi Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB).

"Skuadron Pesawat Taktikal Armada ini akan mengawasi lebih jauh lagi kawasan maritim zon ekonomi eksklusif negara. Manakala pembesaran Skuadron Kapal Peronda berikutan dengan pertauliahn KDB As-Siddiq baru-baru ini adalah untuk menampung keperluan dan memperluaskan lagi skop operasi maritim khusus di perairan persisiran pantai negara," tegas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Dalam konteks keberkesanan pertahanan pula, Kebawah DYMM gembira dengan pencapaian Operasi Sepadu sekuriti dan sempadan darat di bawah teraju markas angkatan bersama ABDB yang dilaksanakan melalui pendekatan seluruh kerajaan 'Whole of Government Approach' dan pendekatan senegara 'Whole of Nation', dengan keterlibatan langsung Unit Batalion Trup Risik Skuadron Bot Tempur Tentera Darat Diraja Brunei, Squadron Unmanned Aerial System (UAS) TUDB, TLDB serta agensi-agensi penguatkuasa undang-undang kebangsaan lainnya serta tidak terkecuali juga penglibatan institusi mukim dan kampung melalui pengawasan keirjanaan di seluruh negara.

"Hasil Operasi Sepadu telah mencapai banyak kejayaan dalam menyumbang penurunan trend kes-kes tangkapan sejak penubuhan kawasan-kawasan operasi Area of Operation (AOP) di beberapa tempat strategik dan hotspots seluruh negara sejak April tahun 2020 apabila negara berhadapan dengan gelombang pandemik COVID-19.

"Manakala dalam pembangunan modal insan, kita boleh berbangga dengan Institusi Pendidikan dan Latihan di ABDB yang telah mencapai kejayaan-kejayaan signifikan, iaitu dengan

adanya kursus-kursus dan program yang dijalankan di Akademi Pertahanan Institut Latihan ABDB, Sekolah-sekolah Latihan Tentera Darat, Tentera Laut, dan Tentera Udara yang telah memperoleh pengiktirafan kebangsaan dan antarabangsa.

"Ini dapat dilihat dari permintaan yang tinggi oleh angkatan-angkatan tentera sahabat bagi mengikuti kursus-kursus profesional di ABDB. Pada tahun ini sahaja, Sekolah Pegawai Kadet Akademi Pertahanan, Sekolah Infantry Tentera Darat Diraja Brunei dan Pusat Latihan Tentera Laut Diraja Brunei telah menerima penuntut dari luar negara buat pertama kalinya.

"Beta gembira bahawa mulai tahun ini, ABDB melalui Institut Latihan ABDB akan berupaya menghasilkan seramai 960 anggota tentera yang terlatih berbanding sebelumnya hanya 540 anggota setahun.

"Beta percaya dengan perkembangan ini, ABDB mampu untuk mengisi jawatan-jawatan yang sudah lama kosong sejak beberapa tahun ini dan mengukuhkan lagi bilangan tentera yang terlatih di samping memberi peluang pekerjaan kepada belia-belia dan beliawanis yang mencari pekerjaan," ujar titah baginda.

Di Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB hari ini, Kebawah DYMM juga gembira dengan penglibatan angkatan-angkatan Tentera Udara negara sahabat dalam mempamerkan pesawat-pesawat strategik mereka.

Semua ini, tegas titah baginda, mencerminkan perpaduan dan hubungan diplomasi pertahanan yang kukuh di antara negara-negara sahabat dan NBD.

"Sementara itu, turut memeriahkan lagi ialah penglibatan syarikat-syarikat pertahanan tempatan dan luar

negara mempamerkan produk-produk industri pertahanan masing-masing.

"Syabas dan diucapkan setinggi-tinggi penghargaan," Kebawah DYMM bertitah melahirkan penghargaan.

Kebawah DYMM juga sangat teruja dan bangga dengan komitmen berterusan dalam kalangan mantan-mantan perajurit ABDB dalam sama-sama membangun dan menjaga kesejahteraan negara.

Walaupun mereka sudah bersara daripada perkhidmatan tentera titah baginda, namun masih aktif dengan kerja-kerja berkebajikan seperti menjadi sukarelawan dalam pertubuhan-pertubuhan tertentu, malah ada juga yang berjaya dalam perniagaan, dilantik sebagai pemimpin di peringkat akar umbi dalam institusi kampung dan mukim, dan dilantik menjadi ahli di dalam Majlis Mesyuarat Negara mewakili zon-zon tertentu.

"Ini adalah contoh-contoh terbaik yang boleh menjadi inspirasi kepada generasi penerus di masa hadapan.

"Beta ucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mereka, dan berharap Persatuan PERWIRA akan terus berperanan menyatupadukan pesara-pesara atau veteran ABDB dalam usaha memelihara keselamatan dan keamanan negara," baginda bertitah.

Walau bagaimanapun, di hari yang berbahagia ini juga, Kebawah DYMM turut menganjurkan agar tidak lupa mendoakan pegawai-pegawai dan perajurit yang telah kembali ke rahmatullah dan semoga roh-roh mereka ditempatkan bersama-sama para syuhada.

Di akhir titah, baginda melahirkan ucapan tahniah dan selamat meraikan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-62 Tahun kepada seluruh warga ABDB yang masih berkhidmat dan mereka yang telah bersara yang berada di dalam atau sedang bertugas di luar negara.



UPACARA Perbarisan Raksasa Sambutan HUT ABDB Ke-62 Tahun di Pangkalan Tentera Udara, Rimba, TUDB (kiri) manakala gambar atas, sebahagian pegawai dan jemputan yang hadir pada majlis tersebut.

BERKENAN BERANGKAT KE UPACARA PERBARISAN RAKSASA SAMBUTAN HUT ABDB KE-62



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda berkenan berangkat ke Upacara Perbarisan Raksasa Sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-62 yang berlangsung di Pangkalan Tentera Udara, Rimba, Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) (atas dan kiri).

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Masri Osman, Mohd. Sahrizal Haji Said, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Muhammad Khalid Doughty, ihsan Kementerian Pertahanan

RIMBA, Rabu, 31 Mei. - Lebih enam dekad kewujudannya, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah melalui pelbagai pengalaman dan terus berkembang melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memperkasa ABDB di segenap sudut untuk terus maju dan progresif dalam menuju kecemerlangan.

Tarikh 31 Mei merupakan detik bersejarah dan menjadi kebanggaan bagi seluruh warga Kementerian Pertahanan dan

ABDB di mana pada tahun ini, ABDB meraikan Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB (HUT ABDB) Ke-62.

Sehubungan itu, keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta ahli kerabat diraja bercemar duli ke Upacara

Perbarisan Raksasa Sambutan HUT ABDB Ke-62 menambah lagi seri majlis.

Mengiringi keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada upacara sambutan yang diadakan di Pangkalan Tentera Udara Rimba, Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) ialah paduka-paduka anakanda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Pangkalan Tentera Udara Rimba dijunjung oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Sejurus ketibaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung beredar ke Kompleks Sukan TUDB bagi menerima Tabik Hormat Diraja dan seterusnya memeriksa barisan

Pasukan-pasukan Perbarisan Raksasa seramai 931 anggota ABDB yang terdiri daripada Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), TUDB, berserta rombongan Panji-panji Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Panji-panji Pasukan ABDB, Rejimen Pasukan Khas (RPK), Askar Wanita, gabungan Pancaragam ABDB dan Serunai dan Tambur TDDB serta kenderaan dan kelengkapan ABDB di bawah Pemerintah Perbarisan, Leftenan Kolonel (U) Muhammad Walee bin Haji Roslie.

>> Muka 9



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan memeriksa barisan Pasukan-pasukan Perbarisan Raksasa seramai 931 anggota ABDB yang terdiri daripada Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), TUDB, berserta rombongan Panji-panji Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Panji-panji Pasukan ABDB, Rejimen Pasukan Khas (RPK), Askar Wanita, gabungan Pancaragam ABDB dan Serunai dan Tambur TDDB, serta kenderaan dan kelengkapan ABDB di bawah Pemerintah Perbarisan, Leftenan Kolonel (U) Muhammad Walee bin Haji Roslie (atas kiri dan atas kanan).



ORANG ramai yang hadir pada majlis tersebut (atas kiri), manakala gambar tengah, anggota ABDB menadah tangan ketika doa dibacakan dan gambar kanan, bagi memberkati majlis, doa dibacakan oleh Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Komander Haji Ainolnizam bin Haji Ibrahim, TLDB.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan menerima Tabik Hormat Diraja.

>> Muka 8

Upacara tersebut kemudian disusuli dengan perbarisan berjalan lalu dalam masa perlahan

dan cepat oleh Pasukan-pasukan Perbarisan dengan membawa Panji-panji Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Panji-panji Pasukan ABDB, dan diikuti

dengan perbarisan mara ke hadapan untuk diperhatikan semula. Baginda juga berkenan mengurniakan titah bersempena

Sambutan HUT ABDB Ke-62 yang diikuti dengan tiga kali laungan 'Daulat Kebawah Duli Tuan Patik' daripada Perbarisan Raksasa ABDB yang disembahkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Bagi memberkati upacara tersebut, doa dibacakan oleh Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Komander Haji Ainolnizam bin Haji Ibrahim, TLDB.

Seterusnya, Kebawah DYMM sekali lagi disembahkan dengan Tabik Hormat Diraja yang diikuti dengan terbang lalu pesawat-pesawat Blackhawk dan CN-235 TUDB.

Sejurus terbang lalu, Kebawah DYMM dan ahli-ahli kerabat diraja berangkat ke Military Apron Hangar 'B' bagi menyaksikan Pameran Statik Keupayaan Tentera dari Unit-Unit ABDB menggunakan kenderaan Light Tactical All-Terrain Vehicle (LT-ATV).

Baginda dan ahli-ahli kerabat diraja juga berkenan berangkat menyaksikan demonstrasi penerjunan *static airborne* daripada gabungan 31 anggota terdiri daripada RPK dan Skuadron 31 TUDB yang diketuai oleh Pegawai Memerintah, Skuadron 31 TUDB, Kapten Ali Saufi bin Haji Ali Safian.

>> Muka 10



SEBAHAGIAN mantan-mantan Pemerintah ABDB, pesara, pegawai dan anggota ABDB semasa menerima tabik hormat (atas kiri), manakala gambar atas dan kiri, perbarisan berjalan lalu dalam masa perlahan dan cepat oleh pasukan-pasukan perbarisan seramai 931 orang anggota ABDB.



TURUT mengikuti Upacara Perbarisan Raksasa Sambutan HUT ABDB Ke-62, Askar Wanita (atas), manakala gambar kiri, helikopter turut terbang lalu bagi memeriahkan lagi sambutan tersebut.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan bergambar ramai bersama mantan-mantan Timbalan Menteri Pertahanan dan mantan-mantan Pemerintah ABDB berserta pegawai-pegawai dan lain-lain peringkat ABDB.

>> Muka 9

Sambutan HUT ABDB Ke-62 kali ini turut memaparkan pameran - pameran statik Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, Kementerian Pertahanan dan keupayaan-keupayaan terbaharu daripada TDDB, TLDB dan RPK.

Semasa berangkat ke pameran tersebut, Kebawah DYMM berkenan mentauliahkan Skuadron Pesawat Taktikal

Armada, TLDB.

Kebawah DYMM serta ahli-ahli kerabat diraja juga dijunjung berangkat menyaksikan Pameran Pesawat Tentera dan Pameran Statik Industri Pertahanan.

Baginda kemudiannya dijunjung untuk beramah mesra bersama pegawai dan anggota yang telah menamatkan Misi Independent Decommissioning Body Verification and Monitoring Assistance Team (IDB VMAT) 4/2022 di Republik Filipina dan

Misi Pengaman United Nations Interim Forces in Lebanon (UNIFIL) bagi Batalion Malaysia (MALBATT) di Lubnan dan diteruskan dengan sesi bergambar ramai.

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta ahli-ahli kerabat diraja kemudiannya dijunjung berangkat ke Hangar 'B' bagi Majlis Santap Tengah Hari.

Sejurus ketibaan, baginda dan ahli-ahli kerabat diraja dijunjung

untuk bergambar ramai bersama mantan-mantan Timbalan Menteri Pertahanan dan mantan-mantan Pemerintah ABDB berserta Pegawai-pegawai dan lain-lain Peringkat ABDB, diikuti dengan sesi ramah mesra bersama anggota yang terlibat dalam Istiadat Pertabalan His Majesty King Charles III, King of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland; peserta-peserta kursus antarabangsa yang mengikuti All Arms Staff and Tactic Course (AASTC) di Sekolah

Infantri TDDB dan Kursus Maktab Turus di Akademi Pertahanan ABDB; pegawai-pegawai kadet luar negara yang sedang menjalani latihan Kursus Pegawai Kadet Pengambilan ke-22 di Sekolah Pegawai Kadet; dan Penasihat-penasihat / Atase-atase Pertahanan negara-negara sahabat ke Negara Brunei Darussalam termasuk mereka yang diakreditasi dan menetap di luar negara.

>> Muka 11



KEBAWAH DYMM berkenan beramah mesra dengan anggota-anggota angkatan bersenjata dari pelbagai pihak agensi pertahanan (atas dan kanan), manakala gambar bawah, baginda berkenan memotong kek sempena Sambutan HUT ABDB Ke-62. Sementara bawah kanan, baginda ketika mendengarkan sembah penerangan.





KEBAWAH DYMM serta ahli-ahli kerabat diraja kemudiannya dijunjung berangkat ke Hangar 'B' bagi Majlis Santap Tengah Hari.

>> Muka 10

Akhir sekali, baginda dan ahli-ahli kerabat diraja dijunjung bagi Upacara Memotong Kek sempena Sambutan HUT ABDB Ke-62 dan seterusnya menerima pesambah dari gabungan pegawai-pegawai dan lain-lain peringkat ABDB, iaitu satu set simulator untuk memberikan gambaran *virtual* menerbangkan sejenis pesawat dengan tema Latihan Tentera Virtual.

Pesambah ini merupakan sumbangan daripada seluruh warga ABDB yang

memanifestasikan pucuk pimpinan yang sangat peka terhadap keadaan semasa dengan memanfaatkan teknologi untuk meningkatkan mutu latihan tentera dan operasi.

Dengan nilai ini setentunya akan dapat terus mengangkat ABDB setaraf dengan keupayaan dunia dan sentiasa sedia mempertahankan kedaulatan dan kesejahteraan Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu, sambutan kali ini juga dimeriahkan dengan kehadiran orang ramai yang juga berpeluang menyaksikan upacara sambutan

tersebut dan melihat lebih dekat lagi aset-aset ABDB dan pameran statik yang dipamerkan, di samping turut diadakan ialah gerai-gerai jualan makanan dan minuman berkonsepkan Food Truck.

Bagi memudahkan orang ramai, perkhidmatan *shuttle bus* ulang-alik juga disediakan yang beroperasi seawal jam 6.00 pagi bagi membawa orang ramai dari tempat letak kereta yang dikhaskan ke Pangkalan Tentera Udara Diraja Brunei.

Sambutan HUT ABDB tahun ini membawa tema 'Bersama Menjayakan Wawasan Negara'

yang menzahirkan penglibatan dan penghayatan ABDB sebagai sebuah organisasi keselamatan negara yang berkembang maju dan berwibawa, mengamalkan nilai-nilai terasnya dan bersatu padu dalam mendukung Falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) dan seterusnya menjayakan dan mendukung gagasan negara ke arah Wawasan Brunei 2035, dengan sentiasa mempertingkatkan keupayaan pertahanan dan diplomasi pertahanan bagi memelihara dan menjaga kedaulatan negara.

Warga ABDB selaku benteng pertahanan bumi Negara Brunei

Darussalam, memegang peranan yang besar dalam menjaga kemakmuran dan keamanan serta kesejahteraan kehidupan rakyat dan penduduk serta persekitaran di negara ini sentiasa terjamin keselamatannya.

Sesungguhnya nikmat keamanan negara yang kita kecapi hari ini bukanlah sesuatu yang mudah dicapai dan diperoleh. Setiap pengorbanan yang diberikan warga ABDB terhadap rakyat dan negara tidak dapat dinilai dengan pingat dan seumpamanya.

Selamat Menyambut Ulang Tahun ABDB Ke-62 Tahun.



KEBAWAH DYMM berkenan beramah mesra bersama anggota yang terlibat dalam Istiadat Pertabalan His Majesty King Charles III, King of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland; peserta-peserta kursus antarabangsa yang mengikuti All Arms Staff and Tactic Course (AASSTC) di Sekolah Infantri TDDB dan Kursus Maktab Turus di Akademi Pertahanan ABDB (atas), manakala gambar atas kanan, baginda berkenan menandatangani Lembaran Kenangan. Sementara gambar kanan, sebahagian jemputan yang hadir bagi sama-sama memeriahkan lagi sambutan tersebut.



BACAAN doa oleh Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Komander Haji Ainolnizam, TLDB.

PAMERAN STATIK TAMPILKAN PELBAGAI PLATFORM



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan merasmikan Skuadron Pesawat Taktikal Armada, TLDB.

Oleh : Aimi Sani

Foto: Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Masri Osman, Mohd. Sahrizal Haji Said, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Muhammad Khalid Doughty

RIMBA, Rabu, 31 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan Pameran Statik Keupayaan Tentera dari Unit-unit Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) semasa Upacara Perbarisan Raksasa Sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) ABDB Ke-62, di Pangkalan Tentera Udara Rimba, Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB).

Juga berangkat ialah paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Bertempat di Hangar 'B', Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam beserta ahli kerabat diraja berkenan menyaksikan Pameran-pameran Statik Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, Kementerian Pertahanan dan keupayaan-keupayaan

terbaharu daripada Tentera Darat Diraja Brunei (TDDDB), Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) dan Rejimen Pasukan Khas (RPK).

Semasa berangkat ke pameran tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan merasmikan Skuadron Pesawat Taktikal Armada, TLDB.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta ahli-ahli kerabat diraja seterusnya dijunjung berangkat



SEKITAR keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyaksikan pameran tersebut. Turut berangkat, paduka-paduka anakanda baginda (atas, kanan, bawah kiri dan bawah kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra bersama angkatan tentera negara-negara sahabat yang turut mengambil bahagian pada pameran berkenaan.

menyaksikan Pameran Pesawat Tentera yang menampilkan pesawat-pesawat dari TUDB bersama-sama Tentera Nasional Indonesia-Angkatan Udara (TNI-AU), Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Philippines Air Force (PAF), Royal Australian Air Force (RAAF), Royal Air Force, United Kingdom (RAF), Republic of Singapore Air Force (RSAF)

dan United States Air Force (USAF).

Penglibatan dari negara-negara sahabat dalam sama-sama memeriahkan Sambutan HUT ABDB pada tahun ini mencerminkan hubungan profesionalisme dan diplomasi

pertahanan yang kukuh lagi erat yang terjalin di antara ABDB dengan rakan-rakan serantau dan antarabangsa khususnya dalam menjaga keamanan dan keselamatan di rantau ini.

>> Muka 13





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

>> Muka 12

Kebawah DYMM dan ahli-ahli kerabat diraja seterusnya dijunjung berangkat menyaksikan Pameran Statik Industri Pertahanan yang terdiri daripada syarikat-syarikat industri pertahanan antarabangsa dari Amerika Syarikat, Australia, Republik Rakyat China, Republik Indonesia, Jepun, Malaysia, Republik Persekutuan Jerman,

Kerajaan Sepanyol, Republik Singapura dan Kerajaan Thailand. Pameran Statik Industri Pertahanan menampilkan teknologi terkini yang boleh membantu ABDB dalam usaha memperkembangkan keupayaan dan memantapkan kekuatan pertahanan negara. ABDB secara rutin mengalu-alukan rakan sejawatannya dari luar negara

untuk menyertai Sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) dan pada tahun ini, Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah bagi Sambutan HUT ABDB Ke-62 di Pangkalan Tentera Udara Rimba, telah membolehkan ABDB mendapat keistimewaan

untuk menjemput rakan sejawatnya dari dalam dan luar negara untuk mengambil bahagian dengan mempamerkan aset udara mereka sebagai sebahagian daripada Paparan Statik Keupayaan Udara. Paparan Statik Keupayaan Udara mempamerkan pelbagai

platform udara tercanggih yang digunakan oleh unit daripada lapan negara yang mengambil bahagian termasuk Brunei yang dikelompokkan sebagai: Perisikan, Pengawasan dan Peninjauan (ISR), Mobiliti, Tenaga Api dan Helikopter Sokongan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan paduka-paduka anakanda baginda ketika berangkat dan seterusnya mendengarkan sembah penerangan (kiri, atas, bawah kiri dan bawah kanan).



NAUBAT SEMPURNA DIBUKA SEMULA

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

>> Muka 1

Berangkat dan hadir pada majlis berkenaan, Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis-majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan, Yang Dimuliakan Pehin-pehin Manteri, Manteri-manteri Hulubalang dan Manteri-manteri Pedalaman serta para jemputan.

Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Haji Umar telah kembali ke rahmatullah pada usianya 83 tahun, dimulakan pada 2 Februari 1940 di Kampung Kianggeh, Bandar Brunei (Bandar Seri Begawan).

Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei pada 1950, Allahyarham kemudian melanjutkan pengajian di Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Brunei.

Allahyarham pernah menjawat beberapa jawatan di Pasukan Polis Diraja Brunei dan kali terakhir, Allahyarham menjawat jawatan sebagai Pesuruhjaya Polis dari 1 Januari 1984 hingga 31 Mac 1991.

Atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali



MAJLIS Istiadat Membuka Naubat berlangsung di Lapau di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam,

Allahyarham diangkat menjadi Cheteria 8 dengan membawa gelaran Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara pada 10 Ogos 1972.

Kewajipan gelaran 'Pengiran Putera Negara' adalah bertanggungjawab memerhatikan keadaan pendirian dan kejujuran rakyat terhadap sultan

dan menyelidiki serta mengkaji masalah mengenai perkara itu untuk disebarkan kepada baginda sebagai nasihat.

Jenazah Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Haji Umar disemadikan di Tanah Perkuburan Islam Kianggeh.



BERANGKAT dan hadir pada majlis berkenaan, Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria (atas), manakala gambar kanan, bacaan Tahlil dipimpin oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin, yang kemudiannya mengetuai bacaan Doa Tahlil dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam. Manakala gambar bawah, Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustapa bin Haji Murad. Sementara gambar bawah kanan, Azan Maghrib dikumandangkan oleh Begawan Mudim Awang Haji Amran bin Haji Salleh.



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN



ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

BARU

PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PHD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- ✓ Tamat Persekolahan
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja



PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

- ✓ Maklumat Peribadi
Kad Pengenal / Pasport / Gambar Terkini
- ✓ Maklumat Lesen Memandu
- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
- ✓ Tamat Persekolahan
(Sijil berhenti Sekolah)



PANDUAN PENGALAMAN KERJA

- ✓ Pengalaman Kerja Kerajaan
menandakan "100%" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengisian profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mula dalam tangga gaji / tangga gaji / nama jawatan yang betul
- ✓ Pengalaman Kerja Swasta
- ✓ Pengalaman Kerja Beruniform
- ✓ Pengalaman Bekerja Sendiri
- ✓ Penempatan Kerja
- ✓ Tidak Bekerja



PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL

- ✓ Kelayakan Profesional
- ✓ Peperiksaan Kesetiausahaan
- ✓ Kemahiran Bahasa
- ✓ Lain-Lain Kemahiran



PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- ✓ Peperiksaan Kerajaan
- ✓ Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)
- ✓ Kursus Induksi Perkhidmatan Awam
- ✓ Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)
- ✓ Program Pembangunan Eksekutif



KHEU ADAKAN MAJLIS DOA SELAMAT, PENYAMPAIAN DERMA



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyempurnakan penyampaian sumbangan kepada para penerima (kiri dan kanan).

Paduka Haji Awang Othman selaku tetamu kehormat majlis yang kemudiannya menyempurnakan penyampaian sumbangan derma kepada para penerima.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dibaca oleh Pengiran Hafizul Hanif bin Pengiran Haji Md. Hatta dari Bahagian Penguatkuasaan Ugama, diikuti dengan penyampaian derma oleh tetamu kehormat majlis.



Bagi memberkati majlis, Doa Peliharakan Sultan dibaca oleh Awang Haji Khalid bin Haji Timbul dari Jabatan Majlis Ugama Islam.

Majlis tersebut diadakan sebagai tanda kesyukuran dan bagi memohon ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala agar bakal-bakal jemaah haji warga KHEU khasnya serta bakal-bakal

jemaah haji di seluruh negara, sentiasa selamat sejahtera dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala, di samping dapat menjalani ibadah haji pada tahun ini dengan sempurna.

Penerbangan pertama bagi bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam dijangka bertolak pada Ahad, 4 Jun 2023.

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 1 Jun. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengadakan Majlis Doa Selamat dan Penyampaian Derma kepada seramai 49 orang bakal jemaah haji yang terdiri dalam kalangan warga jabatan-jabatan di bawahnya, hari

ini. Majlis yang diadakan di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan KHEU, dihadiri oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato

Majlis Jiwa Murni raikan bakal jemaah haji



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Jiwa Murni Kementerian Pertahanan (atas), manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

Oleh : Nooradini Haji Abas

Foto : Ak. Mohd. Adi Aminol Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Khamis, 1 Jun. - Ibadah haji bukanlah suatu perkara yang mudah, justeru setiap jemaah perlu untuk mempersiapkan diri dengan perjalanan menuju takwa dan sentiasa memanjatkan kesyukuran ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala untuk berpeluang bagi meningkatkan kerohanian sejak awal lagi, memahami dan menghayati makna haji itu agar haji yang dilaksanakan nanti mencapai haji yang mabrur iaitu tiada balasan lain melainkan syurga.

Bakal-bakal jemaah haji juga merupakan umat Islam yang terpilih menjadi jemputan Allah Subhanahu Wata'ala untuk menjadi tetamu istimewa-Nya bagi

menunaikan Haji.

Perkara itu antara inti pati nasihat dalam Tazkirah Khas bertajuk 'Lambaian Ilahi' yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama/Penolong Ketua Bahagian Penyebaran Dakwah, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustapa pada Majlis Jiwa Murni Kementerian Pertahanan dan diselenggarakan dengan Majlis Penyampaian Sumbangan Bagi Bakal-Bakal Haji Kementerian Pertahanan yang diadakan di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garrison, di sini.

Seramai 11 anggota awam dan 12 anggota tentera dari Kementerian Pertahanan diraikan

pada majlis tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian sumbangan derma kepada bakal-bakal jemaah haji lelaki ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Manakala sumbangan kepada bakal-bakal jemaah wanita disempurnakan oleh isteri Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Datin Hajah Kalshom binti Haji Suhaili.

Turut hadir, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad



Haszaimi bin Bol Hassan; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera dan isteri masing-masing serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Yaa Siin, diikuti dengan laungan Asmaul Husna.

Setelah penyampaian tazkirah, majlis diteruskan dengan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Doa Selamat bagi bakal jemaah haji bagi memohon ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala agar kesemua bakal jemaah haji Kementerian Pertahanan mendapat perlindungan, keselamatan,

dipermudahkan segala urusan dan sentiasa dalam keadaan sihat serta memperoleh haji yang mabrur.

Majlis tahunan ini merupakan satu usaha pemedulian dan keprihatinan Kementerian Pertahanan terhadap warga kementerian itu (awam dan tentera) dan ahli keluarga yang bertujuan untuk memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar bakal-bakal haji dikurniakan kesihatan, kekuatan dan juga mendoakan agar mereka mendapat haji yang mabrur.

Di samping itu, ia juga dapat meringankan beban dan meningkatkan lagi semangat bakal-bakal haji Kementerian Pertahanan untuk menunaikan Rukun Islam yang kelima dengan penuh ketakwaan dan istiqamah.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقذ بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ آخَتَمُنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيزُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّم، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ
سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّهٗ مَا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا
فِى الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ
اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَئُوْدُهٗ
حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِىُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعُقَدُ، وَتَنَفَّرَجُ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتُقْضٰى بِهٖ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمَحَةٍ
وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْاِسْتِغْفَارِ

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ،
وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اَسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذَنْبِيْ،
فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ ممباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قثعملن (تولق بلاء)

(3)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2)

اَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1)

حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5)

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahaminya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4)

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

BERSAMA SUMBANG BAKTI, TINGKAT TAHAP KESIHATAN MASYARAKAT



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa menghadiri sesi perjumpaan dan dialog bersama penuntut-penuntut dan pegawai-pegawai di dalam bidang perubatan, pergigian dan Profesional Kesihatan Bersekutu (Allied Health Professional), termasuk yang mengikuti Kursus Kepakaran, berlangsung di London, United Kingdom pada 28 Mei 2023 lalu (atas dan bawah kiri).

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

>> Muka 1



Yang Berhormat turut menyatakan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Kementerian Pendidikan dan Jabatan Perkhidmatan Awam, juga terus memberikan biasiswa dan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) kepada penuntut-penuntut dan pegawai-pegawai yang berkenaan untuk mengambil jurusan atau kepakaran dalam bidang perubatan dan kesihatan, termasuk Profesional Kesihatan Bersekutu, sama ada di dalam dan luar negeri.

Dari itu, adalah sangat diharapkan penuntut-penuntut berkenaan menunjukkan patriotisme dan kesetiaan kepada negara dan bangsa, selesai menjalani pembelajaran dan

latihan akan kembali bertugas di negara ini untuk menyumbangkan khidmat bakti dengan perkhidmatan yang lebih berkualiti dan efisien demi meningkatkan tahap kesihatan dan sekali gus kesejahteraan rakyat dan penduduk serta masyarakat di NBD.

Pada sesi dialog tersebut, beberapa perkara penting turut dikongsikan mengenai dengan prosedur-prosedur dan proses-proses terkini berkaitan perkhidmatan - perkhidmatan termasuk penambahbaikan dan pengukuhan di bawah Kementerian Kesihatan.

Seterusnya membincangkan mengenai cabaran-cabaran dalam sistem kesihatan pada masa hadapan, laluan kerjaya di bidang kepakaran, peluang-peluang

latihan dalam perkhidmatan dan jenis-jenis kepakaran perubatan, pergigian serta Profesional Kesihatan Bersekutu yang sangat diperlukan di NBD.

Semasa berada di United Kingdom, Yang Berhormat Menteri Kesihatan serta rombongan juga turut membuat beberapa lawatan kerja ke institusi-institusi perubatan yang terkemuka dengan matlamat untuk mendapatkan peluang bagi meningkatkan kepakaran dalam kalangan pengamal-pengamal perubatan, pergigian serta Profesional Kesihatan Bersekutu tempatan, dalam usaha bagi mengukuhkan lagi sistem kesihatan untuk memberi perkhidmatan kesihatan yang berkualiti tinggi yang berterusan kepada rakyat dan penduduk di NBD.

مقركنلكن اقليكاسي موده اليه جابتن قنرغن



Memperkenalkan
**Aplikasi Mudah Alih
Jabatan Penerangan**

InfoDeptBN

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless Dan Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'

DOA SELAMAT BAGI 17 BAKAL HAJI KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI



YANG Mulia Pemangku Menteri Kewangan dan Ekonomi semasa mendengarkan Ceramah Khas (kiri), manakala gambar kanan, Yang Mulia menyampaikan sumbangan derma kepada bakal jemaah haji.

Selain itu, beliau juga menerangkan mengenai ibrah haji atau pengajaran yang boleh kita peroleh termasuk keupayaan kita untuk menahan godaan syaitan dan yakin bahawa Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa ada di belakang kita apabila ditimpa ujian.

Majlis diakhiri dengan penyampaian sumbangan derma kepada seramai 17 bakal jemaah haji.

Majlis keugamaan seumpama ini merupakan aktiviti tahunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi meraikan pegawai dan kakitangan yang akan mengerjakan ibadah haji pada tahun in, di samping mengeratkan hubungan silaturahim di antara pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta



jabatan-jabatan di dalamnya.

Majlis pada tahun ini dikendalikan oleh Pejabat Belanjawan dan Rancangan Kemajuan Negara.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha-Setiausaha Tetap, Pengarah Urusan Brunei Darussalam Central Bank, ketua-ketua jabatan dan bahagian; pegawai serta kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya.



CERAMAH Khas yang bertajuk 'Ibrah daripada Ibadah Haji' yang disampaikan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Nasyith bin Superi.

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN

Khamis, 1 Jun. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengadakan Majlis Doa Selamat bagi bakal-bakal haji pada hari ini bertempat di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Menteri Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka

Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani.

Majlis diserikan dengan Ceramah Khas yang bertajuk 'Ibrah daripada Ibadah Haji' yang disampaikan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Nasyith bin Superi.

Dalam ceramah tersebut, beliau antara lain menjelaskan mengenai sejarah ringkas ibadah haji dan kelebihan menunaikan haji.

Timbang tara penyelesai pertikaian perdagangan antarabangsa

Siaran Akhbar dan Foto : Brunei Darussalam Arbitration Centre

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 31 Mei. - Brunei Darussalam Arbitration Centre (BDAC) buat julung kalinya menganjurkan Ceramah Khas timbang tara yang bertajuk 'Controlling Costs in International Arbitration' di Pejabat BDAC di Jalan Kumbang Pasang pada Selasa, 30 Mei 2023.

Ceramah Khas tersebut disampaikan oleh Profesor dari Sydney Law School, Profesor Luke Nottage, dan juga merupakan Profesor Kunjungan (Visiting Professor) dari Universiti Brunei Darussalam.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pengerusi BDAC, Yang Arif Radin Safiee bin Radin Mas Basiuni, menyampaikan keperluan untuk bersedia bagi menangani sebarang pertelingkahan yang mana Negara Brunei Darussalam (NBD) menerima peningkatan pelaburan asing dari luar negara sejak kebelakangan ini.

Seperti lazim jelasnya, penyelesaian pertikaian bagi perdagangan antarabangsa adalah melalui litigasi atau timbang tara. Perdagangan antarabangsa setentunya akan melibatkan pihak yang merentas bidang kuasa dan dijangka terdapatnya pertikaian di antara pihak-pihak rentas sempadan.

Yang Arif Radin Safiee seterusnya berkata bahawa timbang tara menjadi aliran popular untuk menyelesaikan pertikaian dalam perdagangan antarabangsa terutamanya di antara pelabur asing dan negara tuan rumah.

Kos dalam prosiding timbang tara antarabangsa tambahannya, akan memberi kesan terhadap pelbagai pihak yang terlibat sama ada jenis pertikaian secara negara pelabur atau melibatkan dua entiti swasta.

Beliau seterusnya menyatakan bahawa timbang tara antarabangsa memainkan peranan yang penting dalam perdagangan antarabangsa kerana ia membolehkan kontrak dikuatkuasakan secara berkesan, memudahkan akses keadilan untuk para pelabur asing dan seterusnya mengukuhkan kedaulatan undang-undang.

Ceramah Khas tersebut kemudiannya menerokai perkembangan - perkembangan timbang tara secara luas, jenis-jenis kos yang ditanggung dalam timbang tara (terutamanya yuran guaman).

Sementara itu, Profesor Luke juga membincangkan tentang peraturan-peraturan timbang tara dan klausa timbang tara yang diguna pakai serta inovasi lain (termasuk pengantaraan sebelum dan semasa timbang tara) bagi memastikan kecekapan kos terjaga yang berkenaan dengan timbang tara antarabangsa.

Ceramah tersebut dihadiri oleh Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Undang-undang), Jabatan Perdana Menteri, Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib; Peguamcara Negara, Pejabat Peguam Negara, Hajah Zuraini binti Haji Sharbawi;



SETIAUSAHA Tetap (Keselamatan dan Undang-undang), Jabatan Perdana Menteri bergambar ramai pada Ceramah Khas timbang tara berkenaan.

Pendaftar-pendaftar Mahkamah; para pegawai daripada sektor kerajaan dan swasta.

Acara secara hibrid itu juga turut dihadiri oleh para peserta dari luar negara seperti Singapura, Indonesia dan Malaysia.

Ceramah khas itu dianjurkan oleh BDAC sebagai sebahagian daripada inisiatif pusat untuk menjadi pusat pilihan bagi penyelesaian pertikaian sama ada komersial atau bukan komersial.

BDAC adalah sebuah pusat yang bebas dan adalah sebuah institusi timbang tara tunggal di NBD yang diberi kuasa menurut undang-undang untuk menangani pertikaian rentas sempadan serta memudahkan keperluan pengguna domestik dan antarabangsa sebagai sebuah forum utama untuk menyelesaikan pertikaian secara alternatif.

سوروهنجاي فخر خدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

TIPS MEMUAT NAIK

PENTING:
Pastikan menggunakan pelayar seperti
Google Chrome / Mozilla Firefox / Safari

- Format fail yang betul
PDF:
Kad Pengenalan, Lesen Memandu, Sijil, Transkrip & Lain-lain Dokumen
JPG / PNG: Gambar Berukuran Passport (Gambar Profil)
- Saiz fail tidak melebihi 3MB
- Dokumen yang diimbas hendaklah dalam versi asal / berwarna
- Nama fail tidak mengandungi sebarang simbol dan jarak (space)



Ibadah korban membentuk sifat mahmudah

dan menghormati syiar Islam itu adalah satu tanda ketakwaan hati orang-orang yang beriman. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Haj, ayat 32 :

Tafsirnya : "Demikianlah (ajaran Allah) dan sesiapa yang menghormati syiar-syiar Allah (seperti ibadah korban) maka sesungguhnya perbuatan itu adalah terbit daripada ketakwaan hati (kepada Allah)".

Hukum melakukan ibadah korban adalah Sunat Muakaddah iaitu sunat yang sangat dituntut. Jumhur ulama' mengatakan bahawa adalah sunat melakukan ibadah korban bagi orang yang berkemampuan untuk melakukannya iaitu orang yang mempunyai lebih harta sebanyak nilai harga binatang korban daripada keperluannya dan keperluan orang yang di bawah tanggungannya pada Hari Raya Adha dan Hari-hari Tasyrik iaitu pada 11,12 dan 13 Zulhijjah.

Oleh yang demikian, bagi orang-orang yang berkemampuan untuk melakukan ibadah korban maka peluang yang tidak ternilai dan hanya datang beberapa hari dalam setahun di bulan Zulhijjah itu tidak wajar diabaikan dan dilepaskan begitu saja.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda ada menyebut tentang fadilat ataupun kelebihan berkorban, antaranya ialah darah korban yang tumpah ke bumi akan mengambil tempat yang mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Daripada Aisyah Radiallahuanha, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Tidak ada amalan yang dilakukan oleh anak Adam pada Hari Raya Korban yang lebih disukai Allah melainkan menumpahkan darah

(menyembelih binatang korban). Sesungguhnya binatang korban itu akan datang pada hari kiamat bersama tanduknya, bulunya dan kukunya dan Allah memberi pahala ibadah korban itu sebelum darah binatang korban itu jatuh ke bumi. Oleh itu, elokkanlah korban kamu". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Adapun, waktu bagi menyembelih binatang korban itu ialah selepas naik matahari pada Hari Raya Adha, iaitu setelah selesai Sembahyang Sunat Hari Raya Adha pada 10 Zulhijjah sehingga terbenam matahari akhir Hari Tasyrik iaitu hari ke-13 Zulhijjah. Oleh yang demikian, jika ibadah korban itu dilakukan sebelum waktu tersebut, maka tidaklah ia dikira sebagai ibadah korban. Daripada Al-Bara bin Azib Radiallahuanhu telah bersabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud : "Bahawa yang mula-mula kami lakukan pada hari ini (Hari Raya Adha), kami sembahyang kemudian kami balik ke rumah, selepas itu kami menyembelih korban, maka siapa yang membuat seperti yang demikian maka dia memperoleh sunat (ibadah) kami dan siapa yang menyembelih sebelum sembahyang maka yang demikian itu hanyalah daging biasa yang dibahagi-bahagikan kepada keluarga, bukanlah yang demikian itu termasuk dalam ibadah korban". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Sesungguhnya ibadah korban yang kita laksanakan itu, selain ia sebagai satu ibadah yang menghasilkan ganjaran pahala, ia juga adalah medan tarbiyah dalam membentuk sifat mahmudah dan nilai-nilai Islam yang luhur dalam diri seseorang. Antara sikap terpuji yang dapat dibentuk melalui ibadah ini ialah :

Pertama : Menanam sifat ikhlas dalam melaksanakan apa jua ibadah yang diperintahkan oleh syariat Islam.

Kedua : Menyemai sikap sentiasa bersyukur kerana salah satu hikmah pensyiaran ibadah korban itu adalah melahirkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala terhadap nikmat hidup yang telah dikurniakan-Nya.

Ketiga : Mengasuh diri dengan sikap bersabar terhadap apa jua ujian yang ditimpakan dalam kehidupan.

Keempat : Menyemai sikap belas kasihan dan tolong-menolong terhadap golongan yang tidak berkemampuan. Sesungguhnya pensyiaran ibadah korban boleh memupuk sikap pemedulian terhadap masyarakat terutamanya kepada fakir dan miskin.

Akhirnya, marilah kita sama-sama mempertingkatkan lagi keimanan dan ketakwaan kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan melakukan ibadah korban terutama bagi mereka yang berkemampuan. Mudah-mudahan dengan ibadah korban yang kita lakukan itu, rezeki kita semakin bertambah berkat dan semoga diri kita, keluarga kita dan negara kita dijauhi dari segala bentuk musibah, mala petaka dan bala bencana. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Daging dan darah binatang korban itu sekali-kali tidak akan sampai kepada Allah tetapi yang sampai kepada-Nya ialah ketakwaan kamu. Demikianlah Dia memudahkannya untuk kamu supaya kamu membesarkan Allah atas hidayah-Nya kepada kamu. Dan sampaikanlah khabar gembira kepada orang-orang yang berbuat kebaikan". (Surah Al-Haj, ayat 37)

PPDB ADAKAN DOA SELAMAT BAGI BAKAL JEMAAH HAJI



Siaran Akbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 1 Jun. - Bagi memohon ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar bakal jemaah haji sentiasa mendapat syafaat, perlindungan, keselamatan dan dipermudahkan segala urusan serta beroleh haji yang mabrur, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Badan Ugama Islam (BUI) telah mengadakan Majlis Doa Selamat Bagi Bakal Jemaah Haji PPDB Tahun 1444H / 2023M di Surau Polis Gadong PPDB.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Pesuruhjaya Polis PPDB, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali.

Turut hadir ialah Timbalan


Pesuruhjaya Polis PPDB, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin; Timbalan Penguasa Polis, Aimi Safwan bin Zalidin selaku Timbalan Pengerusi 1 BUI, para Pengarah dan Timbalan Pengarah jabatan, Ketua-ketua Formasi, Pegawai-pegawai Pemerintah, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan anggota serta warga kakitangan awam PPDB.

Seramai dua anggota dan seorang kakitangan awam bakal jemaah haji PPDB telah menerima sumbangan yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Imam Surau Polis Gadong, APO Staf Sarjan 6472 Mohammad Yusri bin Haji Abu Bakar, diikuti

dengan penyerahan sumbangan kepada bakal jemaah haji yang diraikan dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

PESURUHJAYA Polis PPDB hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Selamat Bagi Bakal Jemaah Haji PPDB Tahun 1444 / 2023 di Surau Polis Gadong PPDB (atas kiri dan atas). Manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis berkenaan.





IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIRAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. **Teliti Skim Iklan** sebelum memohon.
2. **Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan** skim iklan akan ditolak.
3. **Lengkapkan Profil PSQR 2.0** (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
4. **Lengkapkan Kelulusan** (Reputasi / pengat serta subjek / bidang kelulusan)
5. **Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap** (Sijil, transkrip dan pengiktirafan Matrik Kelulusan Pengiktirafan Kelulusan (PSPK) yang berkaitan)
6. **Tandakan "X" pada kotak semak "Jawatan Sekarang"** di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
7. **Lengkapkan Maklumat** (Asas / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipersetujui di dalam skim iklan)



Jawatan, Tangga Gaji dan Bilangan Iklan	Jabatan dan Kementerian	Kekosongan	Jenis Iklan	Tarikh Tutup Permohonan
1. MEKANIK TINGKAT KHAS D.2 EB.3-4 (BAHAGIAN IV) 2023/MAY/30	JABATAN-JABATAN KERAJAAN	01	7(A)	10 JUN 2023
2. PEGAWAI PERHUTANAN KANAN B.3 (BAHAGIAN II) 2023/MAY/28	JABATAN PERHUTANAN, KEMENTERIAN SUMBERSUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN	01	38(A)	10 JUN 2023
3. PEGAWAI PENDIDIKAN KANAN PG.5 (BAHAGIAN I) 2023/MAY/29	POLITEKNIK BRUNEI, KEMENTERIAN PENDIDIKAN	01	38(B)	10 JUN 2023

- PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSQR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
 2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
 3. PANDUAN PSQR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

Makluman Tarikh Lanjutan Iklan Tawaran

Bilangan Tawaran :
RTB / 01 / 2023

Tajuk Tawaran :
Design, Supply, Delivery, Install, Testing, Commissioning & Training Of New DVB-T2 Transmitter System For Bukit Subok and Andulau Stations

Tarikh Tutup Dilanjutkan Sehingga :
Selasa, 20 Jun 2023, Jam 2.00 Petang



JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0011 / 2023

Tajuk Sebut Harga :
To Supply And Delivery Artemia Cyst To Aquaculture Research And Development Division, Department Of Fisheries

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis, 15 Jun 2023, Jam 2.00 Petang



Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut bolehlah diperoleh di Tingkat 4, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Elektrik di Unit Tawaran dan Sebut Harga, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri



JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan Tawaran :
JAPEM / TEN / KRK-KATERING / 2023

Tajuk Tawaran :
Perkhidmatan Membekal Sajian (Buffet & Serving) Kompleks Rumah Kebajikan (KRK), Kg. Belimbing, Subok. Jabatan Pembangunan Masyarakat Bagi Tempoh Tiga Puluh Enam (36) Bulan

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 20 Jun 2023, Jam 2.00 Petang



JABATAN DAERAH BELAIT KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran :
JDB / 4.1 / PERHIASAN BUNGA / D / 2023

Tajuk Tawaran :
Sebut Harga Membekal Perhiasan Bunga Bagi Sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-77 Tahun Bagi Daerah Belait Tahun 2023

Yuran Tawaran :
BND10.00

Tarikh Tutup :
Selasa, 20 Jun 2023



KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:
JDB / BKPD / SH / 03 / 2023 R1

Tajuk Tawaran:
Term Contract (3 Months) Landscape Maintenance At District Officer Resident And Dewan Santap, Jalan Maulana Kuala Belait.

Yuran Tawaran:
BND5.00

Kelas :
1

Kategori:
KPD12

Tarikh Tutup :
Selasa, 6 Jun 2023, Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Bilangan Sebut Harga :
05 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2023
Membekal dan

Menghantar Mesin Projektor (Mudah Alih) Untuk Pengajaran dan Pembelajaran Di Sekolah-Sekolah Ugama, Jabatan Pengajian Islam

Bilangan Sebut Harga :
07 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2023
Membekal, Menghantar, Memasang dan Mengujilari Mesin Projektor Multimedia Berserta Aksesori Kit Mount Siling Untuk Pengajaran dan Pembelajaran Di Sekolah-Sekolah Ugama, Jabatan Pengajian Islam

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu, 28 Jun 2023, Jam 2:00 Petang



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Divisyen Pengurusan Korporat
Kementerian Pembangunan

Notis Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga :
(01/23) KPN / DPK / PROC / 2022 / 2023

Tajuk Sebut Harga :
SEBUT HARGA BAGI PEMBELIAN BARANG PEJABAT KEGUNAAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN SELAMA SATU (1) TAHUN

Bayaran E-Dokumen Sebut Harga :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka :
Rabu, 24 Mei 2023

Tarikh Akhir Pembelian dan Pembayaran :
Sabtu, 10 Jun 2023

Tarikh Tutup :
Isnin, 12 Jun 2023, Sebelum 9.00 Pagi



JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran :
JPE / LTK / PSP / 035 / 2022

Tajuk Tawaran :
Penyediaan Bekalan Elektrik Bagi Tapak Perikanan BDC Serasa Lot 2974 dan Tapak Akuakultur Lot 14179, Kg. Serasa, Muara

Tarikh Tutup :
Selasa, 6 Jun 2023, Jam 2.00 Petang

Harga Dokumen :
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup :
Peti Tawaran Tender Box Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Jalan Menteri Besar Negara Brunei Darussalam

Kelayakan :
Mempunyai Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Pembangunan dalam Kelas III, IV atau V sahaja dalam kategori E03 (mempunyai pekerja yang berdaftar dengan JPE dalam kategori E03).



NOTIS TAWARAN LELONG SECARA TERTUTUP

Tawaran			Tarikh Tutup Menghantar Borang Tawaran Ke Dalam Peti Tawaran (Tidak Dibenarkan Mengambil Borang Tawaran)
Tarikh Mula	Tarikh Melihat, Mengambil Dan Menghantar Borang Tawaran (Waktu Bekerja)		
3/06/2023 (Sabtu)	3/06/2023 (Sabtu) - 7/06/2023 (Rabu)		8/06/2023 Sebelum Jam 9.00 Pagi (Khamis) (Membuka Peti Tawaran)
	Isnin - Khamis	Pagi : 8.30 - 11.30 Pagi	
		Petang : 1.30 - 3.00 Petang	
	Sabtu	Pagi : 8.30 - 10.30 Pagi	
		Petang : Tutup	

Lot	Keterangan		Bertempat
1	1 Lot	Jentera Penghawa Dingin (Chiller) Dan AHU	Bukit Panggal Power Station, Tutong
2	1 Lot	Transformer	Sub-Stor Elektrik Pasir Putih, Tutong
3	7 Buah	Bot Fiberglass V24 Feet, Speed Boat (Fiberglass) Dan Bot Getah	Ibu Pejabat Polis Marin
4	1 Buah	High Speed Patrol Boat	
5	1 Lot	Peralatan Elektrik, Mesin Dan Perabot	Tempat Penyimpanan Besi buruk Kerajaan, JKR Sinarubai
6	1 Lot	Unit Penghawa Dingin	

Jabatan / Kementerian	No. Rujukan Kebenaran Kewangan	Tarikh Kebenaran Kewangan
Jabatan Bomba Dan Penyelamat	KKWE/ADM/JBT/47	6 Oktober 2022 / 10 Rabiulawal 1444 19 Oktober 2022 / 23 Rabiulawal 1444 3 Oktober 2022 / 7 Rabiulawal 1444 4 Oktober 2022 / 8 Rabiulawal 1444 24 November 2022 / 29 Rabiulakhir 1444 10 Januari 2023 / 17 Jamadilakhir 1444 9 Mei 2022 / 8 Syawal 1443
Jabatan Pengangkutan Darat	KKWE/ADM/JBT/35	26 Oktober 2022 / 30 Rabiulawal 1444
Sekolah Menengah Awang Semaun (Kementerian Pendidikan)	KKWE/ADM/KEM/5	24 November 2022 / 29 Rabiulakhir 1444
Jabatan Perkembangan Kurikulum (Kementerian Pendidikan)	KKWE/ADM/KEM/5	24 November 2022 / 29 Rabiulakhir 1444
Jabatan Penerbangan Awam	KKWE/ADM/JBT/34	6 Oktober 2022 / 10 Rabiulawal 1444 26 Oktober 2022 / 30 Rabiulawal 1444 24 November 2022 / 29 Rabiulakhir 1444 13 September 2022 / 15 Safar 1444
Jabatan Pengangkutan Darat	KKWE/ADM/JBT/35	22 September 2022 / 25 Safar 1444 3 Oktober 2022 / 7 Rabiulawal 1444 26 Oktober 2022 / 30 Rabiulawal 1444
Jabatan Belia Dan Sukan	KKWE/ADM/JBT/55	26 Oktober 2022 / 30 Rabiulawal 1444 24 November 2022 / 29 Rabiulakhir 1444
Sekolah Rendah Dato Marsal (Kementerian Pendidikan)	KKWE/ADM/KEM/5	24 November 2022 / 29 Rabiulakhir 1444
Sek. Men. Sayyidina Othman (Kementerian Pendidikan)	KKWE/ADM/KEM/5	24 November 2022 / 29 Rabiulakhir 1444
Pusat Kesihatan Tutong	KKWE/ADM/KEM/10	4 Oktober 2022 / 8 Rabiulawal 1444
Bahagian Perkhidmatan Kewangan Dan Perbekalan (Kementerian Pendidikan)	KKWE/ADM/KEM/5	24 November 2022 / 29 Rabiulakhir 1444
Jabatan Perhutanan	KKWE/ADM/JBT/31	24 November 2022 / 29 Rabiulakhir 1444 1 November 2022 / 6 Rabiulakhir 1444 7 November 2022 / 12 Rabiulakhir 1444 28 Februari 2023 / 7 Syaaban 1444 10 Januari 2023 / 17 Jamadilakhir 1444
Sekolah Rendah Pengiran Kesuma Negara Bukit Beruang (Kementerian Pendidikan)	KKWE/ADM/KEM/5	24 November 2022 / 29 Rabiulakhir 1444
Jabatan Polis Marin Muara, Jabatan Perdana Menteri	KKWE/ADM/JBT/4	4 Oktober 2022 / 8 Rabiulawal 1444
Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri Besar Sungai Kebun (Kementerian Pendidikan)	KKWE/ADM/KEM/5	29 Ogos 2022 / 27 Muharam 1444
Sekolah Menengah Sayyidina Ali (Kementerian Pendidikan)	KKWE/ADM/KEM/5	24 November 2022 / 29 Rabiulakhir 1444
Jabatan Perkhidmatan Farmasi (RIPAS)	KKWE/ADM/KEM/10	8 Disember 2022 / 14 Jamadilawal 1444 23 April 2020 / 29 Syaaban 1441 19 Oktober 2022 / 23 Rabiulawal 1444 11 Februari 2023 / 20 Rejab 1444
Sekolah Menengah Rimba (Kementerian Pendidikan)	KKWE/ADM/KEM/5	24 November 2022 / 29 Rabiulakhir 1444
Sekolah Menengah Sufri Bolkiah (Kementerian Pendidikan)	KKWE/ADM/KEM/5	24 November 2022 / 29 Rabiulakhir 1444
Sekolah Rendah Puni (Kementerian Pendidikan)	KKWE/ADM/KEM/5	24 November 2022 / 29 Rabiulakhir 1444
Jabatan Perkhidmatan Elektrik	KKWE/ADM/JBT/11	19 Oktober 2022 / 23 Rabiulawal 1444 4 Oktober 2022 / 8 Rabiulawal 1444 24 November 2022 / 29 Rabiulakhir 1444
Pejabat Kesihatan Belait	KKWE/ADM/KEM/10	8 Disember 2022 / 14 Jamadilawal 1444 26 Oktober 2022 / 30 Rabiulawal 1444
Pejabat Timbalan Setiausaha Pendidikan Teras	KKWE/ADM/KEM/5	10 Disember 2022 / 16 Jamadilawal 1444
Radio Televisyen Brunei	KKWE/ADM/JBT/13	1 November 2022 / 6 Rabiulakhir 1444 24 November 2022 / 29 Rabiulakhir 1444 10 Disember 2022 / 16 Jamadilawal 1444 10 Januari 2023 / 17 Jamadilakhir 1444 28 Februari 2023 / 7 Syaaban 1444 7 Mac 2022 / 14 Syaaban 1444
Jabatan Perkhidmatan Perubatan (Hospital Suri Seri Begawan)	KKWE/ADM/KEM/10	24 November 2022 / 29 Rabiulakhir 1444 2 Februari 2023 / 11 Rejab 1444
Bahagian Teknologi Maklumat, KHEU	KKWE/ADM/KEM/6	11 Februari 2023 / 20 Rejab 1444
Unit Sekretariat Lembaga Tawaran Kecil Dan Sebut Harga	KKWE/ADM/KEM/5	24 November 2022 / 29 Rabiulakhir 1444

Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah	KKWE/ADM/KEM/6	11 Februari 2023 / 20 Rejab 1444
Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja	KKWE/ADM/JBT/26	11 Februari 2023 / 20 Rejab 1444 27 Mac 2023 / 5 Ramadhan 1444
Sekolah Rendah Katok 'B' Kluster 1 (Kementerian Pendidikan)	KKWE/ADM/KEM/5	7 Jun 2022 / 7 Zulkaedah 1443
Unit Tanah-Tanah Perkuburan Islam, Bahagian Bangunan Dan Pemeliharaan, KHEU	KKWE/ADM/KEM/6	3 Oktober 2022 / 7 Rabiulawal 1444
Jabatan Perkhidmatan Pos	KKWE/ADM/JBT/36	3 Januari 2023 / 10 Jamadilakhir 1444 7 Jun 2022 / 7 Zulkaedah 1443 22 September 2022 / 25 Safar 1444 27 November 2021 / 22 Rabiulakhir 1443 7 Mac 2023 / 14 Syaaban 1444
Jabatan Daerah Tutong	KKWE/ADM/JBT/39	28 Februari 2023 / 7 Syaaban 1444
Maktab Sain Paduka Seri Begawan Sultan (Kementerian Pendidikan)	KKWE/ADM/KEM/5	24 November 2022 / 29 Rabiulakhir 1444
Polis Diraja Brunei	KKWE/ADM/JBT/4	4 Oktober 2022 / 8 Rabiulawal 1444 02 Februari 2023 / 11 Rejab 1444
IBTE Kampus Sultan Bolkiah Seria	KKWE/ADM/KEM/5	29 Ogos 2022 / 27 Muharam 1444
Jabatan Perkhidmatan Renal	KKWE/ADM/KEM/10	7 Mac 2022 / 14 Syaaban 1444
Jabatan Pendidikan Kokurikulum	KKWE/ADM/KEM/5	3 Januari 2023 / 10 Jamadilakhir 1444
IBTE Kampus Mekanikal	KKWE/ADM/KEM/5	24 November 2022 / 29 Rabiulakhir 1444 10 Disember 2022 / 16 Jamadilawal 1444
Jabatan Alam Sekitar, Taman Dan Rekreasi	KKWE/ADM/KEM/11	26 Oktober 2022 / 30 Rabiulawal 1444 1 November 2022 / 6 Rabiulakhir 1444
Jabatan Kerja Raya	KKWE/ADM/KEM/11	7 Jun 2022 / 7 Zulkaedah 1443 26 Oktober 2022 / 30 Rabiulawal 1444 28 Februari 2023 / 7 Syaaban 1444
Divisyen Pengurusan Sumber Manusia	KKWE/ADM/KEM/11	1 November 2022 / 6 Rabiulakhir 1444
Jabatan Tanah	KKWE/ADM/KEM/11	26 Oktober 2022 / 30 Rabiulawal 1444
Jabatan Hal Ehwal Syariah	KKWE/ADM/JBT/60(C)	19 Oktober 2022 / 23 Rabiulawal 1444
Jabatan Perkhidmatan Awam	KKWE/ADM/JBT/14	27 Mac 2022 / 5 Ramadhan 1444
Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria	KKWE/ADM/JBT/45	5 April 2023 / 14 Ramadhan 1444
Sekolah Menengah P.I Hajah Mariam, Serasa	KKWE/ADM/KEM/5	27 Mac 2023 / 5 Ramadhan 1444
ABDB, GRU Dan Jabatanarah - Jabatanarah	KKWE/ADM/KEM/2	3 Januari 2023 / 10 Jamadilakhir 1444 10 Januari 2023 / 17 Jamadilakhir 1444 02 Februari 2023 / 11 Rejab 1444


PERATURAN PENGIKLANAN

(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (soft copy) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.



Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan Microsoft Word dengan Font ARIAL saiz 12 dan Rang Iklan tersebut MESTILAH dihantar menggunakan BAHASA MELAYU SAHAJA.



Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Tawaran Perkhidmatan
Bagi Sekolah-Sekolah Ugama
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwul Ugama
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Daerah Brunei Dan Muara

Bilangan Tawaran :
KHEU / JPI / KANTIN / 11 / 06

Nama Sekolah Ugama :
Sekolah Ugama Raja Isteri
Pengiran Anak Saleha, Kg. Saba
Kawasan Brunei I

Bilangan Tawaran :
KHEU / JPI / KANTIN / 23 / 06

Nama Sekolah Ugama :
Sekolah Ugama Pengiran Muda
Abdul Malik, Kg. Bengkurong,
Kawasan Brunei IV

Bilangan Tawaran :
KHEU / JPI / KANTIN / 32 / 06

Nama Sekolah Ugama :
Sekolah Ugama Masin,
Kawasan Brunei IV

Daerah Tutong

Bilangan Tawaran :
KHEU / JPI / KANTIN / 36 / 06

Nama Sekolah Ugama :
Sekolah Ugama Penanjong,
Tutong I

Daerah Belait

No. Tawaran :
KHEU / JPI / KANTIN / 46 / 06

Nama Sekolah Ugama :
Sekolah Ugama Sungai Taring,
Lumut, Belait

BAYARAN :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Terakhir Menghantar :
Rabu, 9 Zulhijjah 1444H /
28 Jun 2023M
Sebelum jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran :
JBBSB / SH / 2023-2024 / 12 /
BKB / 05

Tajuk Tawaran :
Pembelian
Barang-Barang Am
[Minyak 2t (1 Ltrs),
Racun Rumpun (4 Ltrs),
Minyak Helix,
(4 Ltrs)]

Bilangan Tawaran :
JBBSB / SH / 2023-2024 / 13 /
BKB / 06



KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Kenyataan Tawaran

Bilangan Tawaran :
JBBSB / SH / 2023-2024 / 10 /
BKB / 03

Tajuk Tawaran :
Supply
And
Deliver High
Pressure Washer To
Bahagian Khidmat Bantu,
Jabatan Bandaran
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
14 Jun 2023,
Jam 2.00
Petang



Tajuk Tawaran :
Pembelian Barang-Barang Am
[Traffic Cone, Kereta Surung,
Batu Pengasah]

Bilangan Tawaran :
JBBSB / SH / 2023-2024 / 14 /
BKB / 07

Tajuk Tawaran :
Pembelian Barang-Barang Am
[Plastik Sampah Warna Orange]

Bilangan Tawaran :
JBBSB / SH / 2023-2024 / 15 /
BKB / 08

Tajuk Tawaran :
Pembelian Barang-Barang Am
[Air Freshener (300ml), Berus
Tandas, Glass Surface Cleaner
500 MI, Hand Cleaner Flore
Boissom (20 Ltrs Per Gallon)]

Bilangan Tawaran :
JBBSB / SH / 2023-2024 / 16 /
BKB / 09

Tajuk Tawaran :
Pembelian Barang-Barang Am
[Skop Papat Kecil, Cangkul]

Tarikh Tawaran :
30 Mei 2023 - 14 Jun 2023

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
14 Jun 2023,
Jam 2.00
Petang



KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Tawaran :
KK / 92 / 2023 / PPN(TC)

Keterangan :
Supply and Delivery Of Dental
Consumables (Infection
Control) For Department Of
Dental Services,
Ministry Of Health For A Period
Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 93 / 2023 / ESTETRIPASH

Keterangan :
Rectification Works At Surau
Nurul 'Inayah, Raja Isteri
Pengiran Anak Saleha Hospital

**Kelayakan Pemborong /
Pembekal :**
Berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan
dan Kesihatan

Kelas :
II atau III

Kategori :
B01 & M01

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 94 / 2023 / SSBH(TC)

Keterangan :
Domestic Waste Collection and
Disposal Services For Suri Seri
Begawan Hospital (SSBH),
Kuala Belait,
Ministry Of Health For A Period
Of Five (5) Years

**Kelayakan Pemborong /
Pembekal :**
Berdaftar dengan Kementerian
Kesihatan dan mempunyai
lesen perkhidmatan
pengambilan dan
pembuangan sampah domestik



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Bilangan Sebut Harga :
06 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2023

**Membekal, Menghantar,
Memasang dan Mengujilari
Mesin Projektor Multimedia
Berserta Aksesori Kit Mount
Siling Untuk Pengajaran dan
Pembelajaran Di Sekolah-
Sekolah Arab, Jabatan
Pengajian Islam**

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu,
28 Jun 2023,
Jam 2.00 Petang



Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 95 / 2023 / ESTETRIPASH

Keterangan :
Renovation Works At
Department Of Biomedical
Engineering (BME) Office,
Raja Isteri Pengiran Anak
Saleha Hospital

**Kelayakan Pemborong /
Pembekal :**
Berdaftar dengan Kementerian
Pembangunan atau Kesihatan

Kelas :
II keatas

Kategori :
B01 & M01

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 96 / 2023 / ESTETRIPASH
(TC)

Keterangan :
Term Contract
For Maintenance and Repair
Works Of Electrical Services At
Raja Isteri Pengiran Anak
Saleha Hospital For A Period
Of Three (3) Years

**Kelayakan Pemborong /
Pembekal :**
Berdaftar dengan Kementerian
Pembangunan dan Kesihatan

Kelas :
III, IV atau V

Kategori :
KPB02, B01 & KA01



**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Tawaran :
(57) JBS / ADM / QC / 2023

Tajuk Tawaran :
Membekal
Dan Menghantar Mesin
Penanda Garis Padang
(Soccer Field Line Marker) Bagi
Kompleks Sukan Mumong
dan Kompleks Arena, Setia
Jabatan Belia dan Sukan

Bilangan Tawaran :
(58) JBS / ADM / QC / 2023

Tajuk Tawaran :
Membekal Dan Menghantar
Cat Padang Bola Sepak Bagi
Pusat Stor, Jabatan Belia dan
Sukan

Bilangan Tawaran :
(70) JBS / ADM / QC / 2023

Tajuk Tawaran :
Re-Coating Of
Existing Playground Flooring
And Other Repair
And Refurbish Works, Stadium
Negara Hassanal Bolkiah

Bilangan Tawaran :
(71) JBS / ADM / QC / 2023

Tajuk Tawaran :
Penyewaan Mesin Penggambar
Bagi Tempoh 4 Tahun, Jabatan
Belia Dan Sukan - 2 Unit

Bilangan Tawaran :
(72) JBS / ADM / QC / 2023

Tajuk Tawaran :

Bayaran Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 97 / 2023 /
ESTETRIPASH (TC)

Keterangan :
Term Contract For Maintenance
and Repair Works Of Electrical
Services At Raja Isteri Pengiran
Anak Saleha Hospital For A
Period Of Three (3) Years

**Kelayakan Pemborong /
Pembekal :**
Berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan dan
Kementerian Kesihatan

Kelas :
I, II, III atau IV

Kategori :
E01

Bayaran Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
6 Jun 2023,
Tidak lewat
jam 2.00 Petang



**Minor Works At Ong Sum Ping
Complex**

Bilangan Tawaran :
(73) JBS / ADM / QC / 2023

Tajuk Tawaran :
Pemasangan Pagar Longkang
Di Sekeliling Padang Kompleks
Sukan Menglait

Bilangan Tawaran :
(74) JBS / ADM / QC / 2023

Tajuk Tawaran :
Proposed Subsoil
Pipe System At The Centre
Between Two Soccer Field
Menglait Sports Complex

Bilangan Tawaran :
(55) JBS / ADM / QC / 2023

Tajuk Tawaran :
Pembelian Peralatan
Facing Time Clock Khusus
Bagi Latihan Renang Skim,
Jabatan Belia Dan Sukan
(EOT – Extension Of Time)

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis,
15 Jun 2023



314 PROJEK PAMER KREATIVITI PELAJAR



NAIB Canselor UTB hadir selaku tetamu kehormat pada UTB Project Showcase 2023 anjuran Pusat Pengajian Sains Gunaan dan Matematik bertempat di Dewan Serbaguna dan Blok Kejuruteraan Bersama (CEB), Fasa 3 universiti berkenaan (atas dan kanan).

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BRUNEI 2023
MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION
MYCE 2023

TUNGKU, Khamis, 1 Jun. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) pagi tadi mengadakan acara tahunan, UTB Project Showcase 2023 anjuran Pusat Pengajian Sains Gunaan dan Matematik bertempat di Dewan Serbaguna dan Blok Kejuruteraan Bersama (CEB), Fasa 3 universiti berkenaan.

Acara tersebut diadakan bersempena dengan Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei (MYCE) 2023.

Pada tahun ini, sebanyak 314 projek pelajar dari pelbagai fakulti

dan sekolah telah dipamerkan termasuk dari School of Applied Sciences and Mathematics (SASM), Fakulti Kejuruteraan (Feng), School of Computing and Informatics (SCI), UTB School of Business (UTB-SB), Pusat Pengajian Reka Bentuk (SDe), dan Pusat Komunikasi, Pengajaran dan Pembelajaran (CCTL) di UTB.

Di bawah tema 'Memperkasakan Kreativiti dan Inovasi Ke Arah Masa Depan Mampan,' pameran projek sehari itu direka untuk mengiktiraf dan meraikan pencapaian cemerlang pelajar sarjana muda tahun akhir merentas semua fakulti dan sekolah.

Ia bertujuan untuk mempamerkan kualiti projek mereka yang luar biasa, di samping berfungsi sebagai platform untuk pelajar mempamerkan dan menyampaikan idea dan kreativiti mereka kepada orang ramai.

Selain itu, acara tersebut turut menyediakan peluang berharga



untuk organisasi swasta dan awam bagi mengenal pasti bakat yang menjanjikan dan prospek kerjaya yang berpotensi.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman, yang kemudiannya merasmikan Pameran Projek UTB 2023.

Juga hadir ialah pegawai utama UTB; tetamu jemputan daripada kerajaan, institusi pengajian tinggi, sekolah dan rakan kongsi industri; kakitangan dan pelajar universiti.

Acara terdahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Dekan Pusat Pengajian Sains Gunaan dan Matematik, Dr. Namasivayam Navaranjan, selaku penerusi pameran projek tahun ini.

Tetamu kehormat dan para jemputan kemudiannya berpeluang untuk meninjau dan menyaksikan projek-projek pameran yang penuh informasi

dan kreatif.

Pada pameran itu, Fakulti Kejuruteraan mempamerkan bahagian terbesar projek, dengan 108 Projek Tahun Akhir dan 16 Projek Reka Bentuk Kumpulan menjadi fakulti terbesar.

Sementara Pusat Pengajian Sains Gunaan dan Matematik mempamerkan 21 projek, manakala Sekolah Reka Bentuk mempamerkan 19 projek.

UTB School of Business mempamerkan 78 projek, diikuti oleh 68 projek oleh School of Computing and Informatics.

Selain itu, terdapat empat projek berkaitan Melayu Islam Beraja (MIB) di bawah CCTL, UTB.

Brunei MYCE 2023 dianjurkan oleh Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Pembangunan Pelancongan dengan kerjasama

UCAPAN alu-aluan oleh Dekan Pusat Pengajian Sains Gunaan dan Matematik, Dr. Namasivayam Navaranjan.

agensi kerajaan tempatan dan antarabangsa, badan berkanun, institusi pengajian tinggi, pihak berkepentingan dan agensi swasta.

Acara tersebut turut disokong sepenuhnya oleh beberapa rakan media rasmi, iaitu Radio Televisyen Brunei (RTB), Jabatan Penerangan (Pelita Brunei) dan Brunei Press Sdn. Bhd.



DBP terima sumbangan buku



MAJLIS Perasmian Sudut Bacaan Turkiye yang berlangsung di Perpustakaan DBP disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 1 Jun. - Dalam usaha berterusan bagi memupuk budaya membaca di negara ini, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Perpustakaan menerima sumbangan buku dari Kedutaan Besar Republik Turkiye dan sekali gus menambah bahan bacaan

serta koleksi Perpustakaan DBP.

Sehubungan itu, Majlis Perasmian Sudut Bacaan Turkiye yang berlangsung di Perpustakaan DBP disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.

Sumbangan buku diserahkan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turkiye ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamid Ersoy kepada Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS.

Turut hadir, pegawai-pegawai dari Kedutaan Republik Turkiye, Pemangku-pemangku Pengarah, pegawai-pegawai kanan, pegawai



SUMBANGAN buku diserahkan oleh Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turkiye ke Negara Brunei Darussalam kepada Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS.

dan kakitangan DBP. Sebanyak 48 buah buku disumbangkan yang merangkumi pelbagai topik seperti sejarah, ekonomi, politik, teknologi, seni dan budaya.

Sumbangan buku dari Kedutaan Republik Turkiye diharapkan akan memperkayakan sumber bacaan mengenai Turkiye di Perpustakaan DBP dan seterusnya membolehkan lebih ramai pengguna perpustakaan untuk mengetahui tentang sejarah serta ekonomi Turkiye. Selain itu,

untuk mengukuhkan kerjasama dua hala di antara Kedutaan Republik Turkiye dan NBD.

UCAPAN alu-aluan disampaikan oleh Ketua Bahagian Perpustakaan, DBP, Dayang Emi Suryaney binti Haji Hipny, Pengerusi Majlis.



MENTALITI, MOTIVASI MENDEFINISIKAN KEJAYAAN ORGANISASI

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Masri Osman

BERAKAS, Khamis, 1 Jun. - Pegawai dan kakitangan sesebuah organisasi adalah amat penting diberikan perhatian dengan sehalus-halusnya. Kemashalatan dalam aspek jawatan, persekitaran, mentaliti termasuklah motivasi pegawai dan kakitangan akan mendefinisikan kejayaan sesebuah organisasi.

Perkara tersebut ditekankan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah pada Sesi

Motivasi Bagi Warga Jabatan Penerangan sempena Sambutan Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-71, Tahun 2023 anjuran Jabatan Penerangan, yang diadakan di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan, jabatan tersebut, hari ini.

"Seperti yang kita ketahui, banyak faktor yang menyebabkan naik turunnya tahap motivasi kita dalam menjalankan tugas harian. Walau bagaimanapun, faktor yang paling penting bermula

dengan apa yang ada di dalam diri kita. Ini kerana motivasi sering dikaitkan dengan perasaan hati kita," ujarnya.

Beliau menambah, menjaga hati dan pemikiran untuk sentiasa berfikir positif dan terbuka, istiqamah, bersyukur dan ikhlas, insyaaAllah akan menghasilkan satu persekitaran yang kondusif dan produktiviti kerja yang mantap dan *team work* yang baik menghasilkan impak yang positif terhadap organisasi.

Sesi Motivasi bertajuk 'Produktiviti dalam bekerja' disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas di Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama (KAFA), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Yusoff bin Haji Abd. Majid. Dalam ceramahnya, beliau menjelaskan ada tiga komponen besar ke arah produktiviti yang tinggi iaitu fokus, tenaga dan waktu.

Untuk mencapai kecemerlangan sebagai penjawat awam, perlu adanya integriti yang kukuh dan sentiasa bersyukur terhadap nikmat yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala bagi meraih berkah dalam pekerjaan. Beliau juga menasihatkan supaya menjauhi amalan menunda-nunda kerja yang diamanahkan.

Turut hadir ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan,



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah dan warga Jabatan Penerangan semasa mendengarkan Sesi Motivasi yang disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas di Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Yusoff bin Haji Abd. Majid (atas, bawah kiri dan bawah).

Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini, pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan berkenaan.

Sesi Motivasi dihasratkan sebagai pendorong kepada warga Jabatan Penerangan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Dalam usianya mencapai 71 tahun, Jabatan Penerangan telah melalui banyak perubahan dan menempuhi banyak cabaran sama ada dalam aspek pentadbiran, operasi mahupun hala tuju strategiknya dalam hasrat untuk memantapkan lagi rasa kecintaan dan kefahaman rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam terhadap inisiatif-inisiatif murni kerajaan.



14 anak damit lahir sempena HUT ABDB Ke-62



PENYAMPAIAN cenderahati disempurnakan oleh isteri Pemerintah ABDB, Datin Ummisyafinah binti Haji Zaini, dengan ditemani oleh isteri Pemerintah Tentera Udara Diraja Brunei, Datin Noraidah binti Haji Ibrahim (atas dan atas kanan).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 1 Jun. - Seramai 14 anak damit telah dilahirkan pada Hari Ulang Tahun (HUT) Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-62 di seluruh negara, kelmarin.

Daripada jumlah tersebut, 12 anak damit telah dilahirkan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) di Bandar Seri Begawan, manakala dua lagi di Hospital Suri Seri Begawan (SSB), Kuala Belait.

Anak-anak damit berkenaan diraikan dengan menerima cenderahati sumbangan daripada ABDB dan Badan Kebajikan Isteri-isteri ABDB (BAKTI).

Di Hospital RIPAS, penyampaian cenderahati telah disempurnakan oleh isteri pemerintah ABDB, Datin Ummisyafinah binti Haji Zaini, dengan ditemani oleh isteri Pemerintah Tentera Udara Diraja Brunei, Datin Noraidah binti Haji Ibrahim.

Sementara itu, di Hospital SSB

pula cenderahati disampaikan oleh isteri kepada Pemangku Pemerintah Tentera Laut Diraja Brunei, Dr. Hajah Dayang Suzana binti Haji Awang Adenan.

Turut hadir pada majlis-majlis yang diadakan serentak tersebut ialah Pegawai-pegawai ABDB, Ketua-ketua Pegawai Eksekutif berserta kakitangan hospital-hospital, serta ahli-ahli jawatankuasa tadbir BAKTI.

Majlis adalah acara tahunan bagi menyambut kelahiran anak-anak damit pada setiap 31 Mei sempena Hari Ulang Tahun ABDB.



كمنترين كصحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Hentikan penularan maklumat palsu

**JANGAN SEBARKAN MAKLUMAT PALSU
YANG AKAN MENYEBABKAN PANIK
DIKALANGAN MASYARAKAT.**

**MARILAH BERSATU BAGI MELINDUNGI
NEGARA YANG TERCINTA DARI WABAK
COVID-19 INI.**

**AWDA BOLEH MEMBANTU DENGAN
TIDAK MENULARKAN MAKLUMAT YANG
TIDAK SAH.**



SAMBUTAN ULANG TAHUN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI KE-62 TAHUN

“Pertahanan yang dinamik dan proaktif menjamin keamanan negara”



Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Ihsan Unit Perhubungan Awam, Kementerian Pertahanan



Penasihat Pertahanan Negara Brunei Darussalam di Republik Singapura, Leftenan Kolonel Azman bin Haji Peizan

"Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita sama-sama dapat menyambut Hari Ulang Tahun (HUT) Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-62 pada tahun ini. Di kesempatan ini juga, hamba Kebawah Duli Tuan Patik mewakili seluruh Penasihat Pertahanan Negara Brunei Darussalam, para pegawai dan anggota yang bertugas di luar negara dengan rasa tulus ikhlas menzahirkan sumpah taat setia yang tidak berbelah bagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Di samping itu, peramba / kaola / saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan ucapan Selamat Menyambut HUT ABDB Ke-62 Tahun kepada pucuk pimpinan, semua lapisan warga tentera dan awam di Kementerian Pertahanan dan di ABDB. Marilah sama-sama kita berdoa agar ABDB sentiasa di dalam payung rahmat Allah Subhanahu Wata'ala. Kita juga berdoa agar ABDB diberikan inayah untuk terus maju dan berkembang sejajar dengan gagasan-gagasan yang telah dan akan dirancang untuk memperkasa pertahanan Negara Brunei Darussalam. Tidak juga dilupakan kita memohon ihsan Allah Subhanahu Wata'ala untuk mencucuri rahmat roh-roh pegawai dan anggota ABDB yang telah kembali ke rahmatullah dan ditempatkan mereka bersama golongan syuhada. Semangat Waja Pahlawan Bangsaku!"



951 Leftenan Komandar Mohamad Arif bin Haji Tajuddin, Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB)

"Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya, 951 Leftenan Komandar Mohamad Arif, TLDB, pada ketika ini sedang menghadiri Defence Services Command and Staff College, Mirpur, Dhaka, Bangladesh, ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan selamat menyambut HUT ABDB Ke-62 Tahun. Didoakan semoga ABDB akan sentiasa maju jaya dan kekal efisien dalam mempertahankan kedaulatan Negara Brunei Darussalam".



Mejar (U) Pengiran Abdul Aziz bin Pengiran Dato Paduka Haji Abd. Wahab

"Bismillahir Rahmanir Rahim. Segala puji dan syukur kita panjatkan kepada Allah Subhanahu Wata'ala, Tuhan yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah, dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, saya sebagai Perwira Siswa yang menghadiri Kursus Maktab Turus di Sekolah Staf dan Komando Angkatan Udara (SESKOAU) di Lembang, Bandung, Negara Kesatuan Republik Indonesia, dengan tulus ikhlas mengucapkan Selamat Menyambut HUT ABDB Ke-62 Tahun kepada seluruh warga tentera dan awam di Kementerian Pertahanan dan ABDB, sama ada yang masih berkhidmat ataupun yang sudah bersara. Saya juga berdoa agar roh anggota ABDB yang telah kembali ke rahmatullah ditempatkan bersama golongan para syuhada. Semoga ABDB sentiasa berjaya melangkah maju menuju prestasi yang gemilang. Amin".

Mejar (U) Wan Muhammad Azem bin Haji Md. Aminuddin

"Saya selaku Ketua Kontinjen ABDB bagi perbarisan Istiadat Pertabalan Raja Charles III dengan tulus ikhlas mengucapkan Selamat HUT ABDB Ke-62 Tahun kepada seluruh warga tentera dan awam di Kementerian Pertahanan dan ABDB, sama ada yang masih berkhidmat ataupun yang sudah bersara. Saya juga berdoa agar roh anggota ABDB yang telah kembali ke rahmatullah ditempatkan bersama golongan para syuhada. Amin..."



Penolong Ketua Kontinjen ABDB Malbatt 850-9, Kapten Md. Farid bin Md. Raffi

"Selamat Menyambut HUT ABDB Ke-62 Tahun. Harapan saya agar kita sama-sama memainkan peranan masing-masing dalam mempertahankan keharmonian dan kedaulatan serta mewujudkan sebuah negara yang sejahtera, memiliki bangsa yang berkeperibadian tinggi dengan berteraskan ajaran Al-Quran dan sunnah. Semoga seluruh warga ABDB sentiasa menunjukkan sikap profesionalisme yang tinggi dan sentiasa meningkatkan tahap kesiapsiagaan operasi pada setiap masa. Saya juga mendoakan semoga seluruh pegawai dan anggota ABDB sentiasa di dalam perlindungan dan hidayah Allah Subhanahu Wata'ala dan siap siaga untuk memberikan khidmat yang terbaik untuk mempertahankan nusa, bangsa dan agama".



INFO Teknologi



Penapis air berkualiti jamin air minum sihat, bebas bahan cemar

Pendahuluan

DENGAN taraf hidup yang semakin meningkat serta peningkatan kesedaran tentang kepentingan meminum air putih secukupnya, kita dapat melihat semakin ramai orang memilih untuk membeli penapis air untuk seisi rumah.

Walaupun air yang sedia ada telah pun dirawat, mempunyai sistem penapisan air untuk kegunaan seluruh rumah boleh memberi lebih perlindungan daripada bahan cemar atau kuman yang tidak nampak.

Kita sentiasa perlu mengambil langkah berjaga-jaga tambahan untuk diri kita dan orang-orang tersayang dan mengambil berat tentang kebersihan air untuk diminum atau digunakan dalam masakan dan untuk membersihkan makanan. Menggunakan air yang kurang bersih dan mengandungi bahan cemar boleh sahaja mendatangkan penyakit dan menjejaskan sistem imun kita.

Jenis-jenis Penapis Air

Ada beberapa jenis penapis air yang biasa digunakan yang sesuai untuk kegunaan rumah. Salah satu daripadanya adalah penapis sedimen. Penapis air jenis sedimen mengeluarkan partikel atau zarah dalam air seperti pasir, tanah liat, kotoran dan karat. Medium penapis jenis ini biasanya diperbuat daripada bahan seperti kertas, seramik, atau pelbagai gentian

untuk memerangkap bahan cemar apabila air melalui penapis. Penapis sedimen menapis bahan cemar yang agak besar dan boleh mengurangkan kekeruhan dalam air tetapi ia tidak boleh menapis bahan cemar lebih kecil. Oleh itu, penapis sedimen tidak disyorkan sebagai penapis sendiri. Ia biasanya digunakan dalam langkah penapisan pertama dalam sistem penapisan air yang lebih komposit.

Jenis penapis air seterusnya adalah, penapis air yang menggunakan *activated carbon* atau karbon teraktif. Karbon teraktif dalam penapisan air berfungsi dengan menyerap bahan cemar pada air. Karbon yang digunakan dalam penapis mempunyai pelbagai sumber dan ini termasuk batu arang, tempurung kelapa atau gambut. Penapis karbon teraktif selalunya datang dalam dua bentuk iaitu penapis karbon teraktif berbutir dan penapis karbon jenis blok.

Sistem penapis *reverse osmosis* ataupun osmosis songsang menggunakan tekanan untuk menolak air melalui membran separa telap. Membran separa telap mempunyai liang mikroskopik yang meninggalkan bahan cemar terperangkap di satu sisi dan air yang bebas bahan cemar di sisi sebelah yang lain. Liang-liang dalam penapis osmosis songsang sangat kecil dan ini menyebabkan bakteria, virus dan bahan kimia dapat disingkirkan dengan berkesan. Sistem penapisan osmosis songsang sentiasa digabungkan dengan penapis sedimen dan karbon untuk memastikan

bahan cemar yang lebih besar berjaya disingkirkan sebelum penapisan lebih teliti dilakukan. Penapisan air menggunakan kaedah osmosis songsang biasanya dianggap sebagai kaedah penapisan air paling kuat kerana boleh menyingkirkan paling banyak bahan cemar serta bahan cemar yang halus dan tidak dapat dilihat oleh mata kasar.

Kelebihan Mempunyai Penapis Air

Antara kelebihan mempunyai penapis air di rumah adalah ia membolehkan kita sekeluarga senang untuk mendapat sumber air yang bersih dan selamat digunakan bila-bila masa. Kita akan dapat menikmati air yang selamat untuk diminum dan juga untuk digunakan dalam masakan serta untuk membersihkan makanan mentah.

Kita juga boleh menggunakan air bertapis untuk mandi dan ini adalah pilihan lebih sihat untuk kulit serta rambut kerana air yang digunakan adalah bebas daripada bahan cemar.

Selain itu, air yang ditapis apabila digunakan untuk membersihkan seperti membersihkan lantai atau dinding, ia akan mengurangkan hakisan dan ini dapat membantu memanjangkan hayat lekapan isi rumah. Air bertapis bukan sahaja membantu dalam mencegah kesan karat pada singki, tab mandi, mesin basuh pinggan mangkuk dan tandas, tetapi boleh juga membantu melembutkan pakaian

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Ihsan Freepik, Unsplash

dan mencerahkan warna baju dan pakaian.

Penapis air yang menggunakan karbon berkesan menghilangkan klorin, kloramina dan bau. Hasilnya adalah air minuman bebas bahan kimia, bersih dan segar untuk seisi rumah.

Memilih Penapis Air Berkualiti

Terdapat banyak syarikat kini yang menjual penapis air atau menawarkan perkhidmatan untuk memasang sistem penapisan air. Sebelum kita membuat keputusan untuk membeli atau mendapatkan perkhidmatan untuk memasang sistem penapisan air adalah wajar untuk kita membuat penyelidikan terhadap syarikat-syarikat penjual serta penapis-penapis air yang dijual.

Penapis air yang berkualiti tidak akan ditawarkan dengan harga terlalu murah, oleh itu adalah penting untuk kita benar-benar memastikan syarikat tempat kita membeli itu mempunyai pengiktirafan daripada pihak-pihak berwajib. Selain itu pastikan juga, syarikat penjual penapis air akan memberi perkhidmatan *after sales care*. Perkhidmatan penjagaan penapis air setelah pembelian adalah penting kerana penapis yang digunakan perlu ditukar apabila cukup pemakaiannya. Selalunya ini adalah setelah empat ke enam bulan pemakaian.



Program Penyelamat Nyawa kurangkan risiko lemas

Rencana dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

JANGKAAN masyarakat terhadap keselamatan air dan pantai telah meningkat secara mendadak dalam beberapa tahun kebelakangan ini, sebahagiannya disebabkan oleh peningkatan kematian akibat lemas dan kecederaan di sesetengah negara. Jangkaan ini juga berdasarkan fakta bahawa program pencegahan lemas yang berjaya di negara maju seperti Australia telah menunjukkan bahawa program berstruktur yang disokong oleh falsafah pengurusan risiko boleh mengurangkan kematian dan kecederaan akibat lemas.

Mengikut statistik yang diperoleh dari Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) menunjukkan, statistik panggilan kecemasan mencari dan menyelamatkan mangsa lemas di pantai Brunei Darussalam pada tahun 2021 seramai dua orang yang mana panggilan kecemasan yang telah direkodkan iaitu seorang mangsa dari Daerah Tutong dan seorang lagi dari Daerah Belait. Manakala tiada panggilan kecemasan kejadian direkodkan pada tahun 2020, 2022 dan setakat 7 Mei 2023. Dalam pada itu, menurut sumber dapatan laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organization) dari 'Global Report Drowning 2014' menjelaskan kejadian lemas adalah ancaman kesihatan awam yang serius dan diabaikan yang meragut nyawa lebih 372,000 orang setahun di seluruh dunia dan lebih daripada 90 peratus daripada kematian tersebut berlaku di negara yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Definisi Lemas

Lemas adalah proses mengalami gangguan pernafasan akibat tenggelam di dalam air yang boleh membawa fatal dan tidak fatal. Namun kejadian tidak fatal boleh menyebabkan kerosakan otak yang teruk yang boleh mengakibatkan ketidakupayaan. Dalam jangka masa panjang akan terjadi

masalah kurang ingatan, ketidakupayaan pembelajaran dan kehilangan fungsi asas yang kekal.

Program Penyelamat Nyawa (Life Saving Program)

Bagi mengurangkan risiko insiden lemas, Beach Bunch (sebuah badan bukan kerajaan (NGOs) dengan visi untuk mempunyai pantai yang lebih baik untuk semua termasuk hidupan liar) memperkenalkan Program Penyelamat Nyawa (Life Saving Program). Visi program berkenaan adalah untuk membangunkan lagi kesihatan dan keselamatan masyarakat berkaitan dengan air dan pantai di negara ini melalui pengurusan risiko dan penglibatan komuniti yang berkesan. Beach Bunch merupakan ahli International Life Saving Federation (ILS) pada November 2017 dan ahli Royal Life Saving Society (RLSS) pada Disember 2017. ILS ialah pihak berkuasa dunia untuk pencegahan lemas, sukan menyelamatkan nyawa dan menyelamatkan nyawa, manakala RLSS ialah badan amal yang didaftarkan di UK dengan Suruhanjaya Amal dan ditadbir oleh Piagam Diraja. RLSS mengetuai pelbagai organisasi lain merentasi sektor yang berbeza untuk menyokong komuniti dalam membangunkan inisiatif pendidikan menyelamatkan nyawa dan program pencegahan lemas.

Objektif Program

Beach Bunch memperkenalkan Program Penyelamat Nyawa dengan tujuan :-

- Meningkatkan kesedaran tentang keselamatan air dan pantai masyarakat setempat dan pelawat ke Negara Brunei Darussalam
- Untuk meningkatkan keselamatan air dan pantai melalui pendekatan pengurusan risiko
- Untuk memudahkan penyediaan perkhidmatan keselamatan pantai yang

berkesan di tempat yang disasarkan melalui penyelamat yang terlatih, berpengalaman dan diawasi

- Untuk mengendalikan perkhidmatan mengikut piawaian antarabangsa yang diiktiraf

- Untuk memperkenalkan sukan penyelamat nyawa dan lautan untuk meningkatkan kemahiran dan untuk memupuk aktiviti dan gaya hidup yang sihat

- Untuk memperkenalkan pelbagai program pendidikan dan latihan di sekolah dan komuniti setempat

- Untuk melahirkan semangat kesihatan, keselamatan dan keharmonian masyarakat di Brunei

Di bawah Program Latihan Penyelamat Nyawa ini mengandungi Program Penyelamat Nyawa; Program Penyelamat; dan Program Renang yang dibukakan kepada orang awam yang berminat untuk meningkatkan pengetahuan, latihan dan keselamatan nyawa di dalam air dan sebagainya.

Dalam pada itu, Program Penyelamat Nyawa merangkumi Penyelamat Junior dan Dewasa serta Pengajar Penyelamat. Menerusi Penyelamat Junior akan diberikan latihan asas yang diperlukan untuk bantuan dalam menyelamatkan nyawa di dalam air; Penyelamat Dewasa pula akan didedahkan dengan latihan asas yang diperlukan untuk bantuan dalam menyelamatkan nyawa di dalam air dan memberikan pengetahuan asas rondaan dan kesedaran pantai supaya dapat mengambil bahagian dalam operasi menyelamatkan nyawa; dan Pengajar Penyelamat akan diberikan pengetahuan tentang metodologi dan didaktik tentang pendidikan menyelamatkan nyawa air mengikut garis panduan akreditasi.

Program Penyelamat termasuk Penyelamat Kolam menyediakan para peserta program dengan pengetahuan tentang operasi menyelamatkan nyawa lanjutan di kolam; Pengajar Penyelamat Kolam akan memberikan kemahiran dan

pengetahuan untuk menyampaikan program latihan Sijil Penyelamat Kolam; Penyelamat Pantai pula ditugaskan untuk melindungi nyawa dan menyediakan perlindungan keselamatan di laut, peserta program ini akan diberikan pengetahuan asas rondaan dan kesedaran pantai untuk mengambil bahagian dalam operasi menyelamatkan; dan Pengajar Penyelamat Pantai akan mengajarkan kemahiran dan pengetahuan antaranya tentang metodologi dan didaktik tentang pendidikan menyelamatkan nyawa air mengikut garis panduan akreditasi.

Sementara itu, Program Renang mengandungi Pendidikan Keselamatan Air dan Renang untuk mengajar peserta mengenai keselamatan air dan kemahiran berenang dalam mewujudkan tingkah laku selamat dan keyakinan di sekitar; dan Keselamatan Air (Kursus Dalam Talian) dari Universiti Putra Malaysia dengan menggunakan platform Pembelajaran Terbuka Dalam Talian. Kursus ini akan membantu peserta dari segi cara kekal selamat semasa menyertai aktiviti berkaitan air dan tindakan yang perlu diambil dalam kecemasan akuatik, melalui platform Pembelajaran Terbuka dalam talian.

Bagi orang awam yang berminat untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang program-program yang ditawarkan oleh Beach Bunch bolehlah menghubungi talian +673 8732271 atau e-mel di thebeachbunch@gmail.com.

Kesimpulan

Adalah penting bagi kita sama-sama meningkatkan kesedaran tentang keselamatan air agar dapat mengurangkan insiden lemas demi keselamatan bersama dan menyelamatkan nyawa. Sentiasa patuhi papan-papan tanda amaran yang diletakkan di persisiran pantai, sentiasa peka dan amalkan budaya selamat semasa melakukan beberapa kegiatan yang berkaitan dengan air tidak kira ia di pantai, sungai mahupun di dalam kolam.



PELUANG BERSOSIALISASI, KONGSI ILMU KETENTERAAN



FIRST Lieutenant Remy Fikry Fadly dari Tentara Nasional Indonesia-Angkatan Udara.

RIMBA, Rabu, 31 Mei. - Penglibatan anggota tentera dari negara-negara sahabat dalam sama-sama memeriahkan Hari Ulang Tahun (HUT) Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-62 di Pangkalan Tentera Udara Rimba, Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), di sini,

IA merupakan pengalaman yang sangat menarik bagi mereka kerana ini merupakan kunjungan kali pertama kali ke Negara Brunei Darussalam. Tambahnya lagi, melalui Pameran Pesawat Tentera itu, anggota tentera dari negara-negara sahabat dapat bersosialisasi, saling bertukar fikiran dan banyak ilmu yang diperoleh.

mencerminkan hubungan profesionalisme dan diplomasi pertahanan yang kukuh lagi erat yang terjalin di antara ABDB dengan rakan-rakan serantau dan antarabangsa khususnya dalam menjaga keamanan dan keselamatan di rantau ini.

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama beberapa orang anggota tentera dari negara-negara sahabat, rata-rata mereka berasa teruja dan berbangga kerana dapat sama-sama menyertai Pameran Pesawat Tentera masing-masing.

Flight Lieutenant Toby Pay dari United Kingdom semasa ditemui menjelaskan bahawa pesawat yang dipamerkan ialah jenis helikopter Puma HC MK2 yang merupakan sebuah helikopter sokongan sederhana (*medium support helicopter*).

Tambahnya, pesawat itu merupakan sebahagian daripada peranan Tentera British di negara ini dalam latihan dan bantuan bagi Medevac (Medical Evacuation) dan Casevac (Casualty Evacuation).

"Jadi kami menjaga tentera-tentera di seluruh hutan

yang sedang menjalani latihan dan mengangkut mereka jika mereka memerlukan bantuan perubatan dan juga hanya menyokong mereka dalam melakukan pengangkutan sederhana. Jadi, gerakan tentera dan gerakan kit mengikut keperluan di seluruh hutan," jelasnya lagi.

Menyentuh mengenai pameran tersebut, beliau menyatakan, ia sungguh mengagumkan kerana dapat melihat sikap profesional para anggota tentera dalam mempamerkan pesawat dan statik masing-masing.

Dalam pada itu, Flight Lieutenant Toby Pay turut mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah di atas Sambutan HUT ABDB Ke-62 Tahun ini.

Sementara itu, First Lieutenant Remy Fikry Fadly dari

Tentera Nasional Indonesia-Angkatan Udara semasa ditemui berkata, ini merupakan penyertaan beliau buat pertama kali bagi sama-sama memeriahkan lagi HUT ABDB tahun ini.

Menurutnya, ia merupakan



FLIGHT Lieutenant Toby Pay dari United Kingdom dan Mejar Mohamad Ridhwan bin Yahya, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dari Nombor 8 Squadron TUDM Subang dan Komander Pesawat A400M.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Aimi Sani

pengalaman yang sangat menarik bagi mereka kerana ini merupakan kunjungan kali pertama kali ke Negara Brunei Darussalam.

Tambahnya lagi, melalui Pameran Pesawat Tentera itu, anggota tentera dari negara-negara sahabat dapat bersosialisasi, saling bertukar fikiran dan banyak ilmu yang diperoleh.

Menyentuh mengenai keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja yang lain ke pameran tersebut, First Lieutenant Remy Fikry Fadly berkata, ia satu penghargaan dan kebanggaan bagi mereka.

"Dari Indonesia selamat ulang tahun kepada ABDB. Semoga ke depannya semakin jaya dan sukses selalu," ujarnya lagi.

Manakala, Mejar Mohamad Ridhwan bin Yahya, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dari Nombor 8 Squadron TUDM Subang dan Komander Pesawat A400M pula semasa ditemui menzahirkan rasa sangat bangga kerana dapat bersama dengan ABDB untuk acara HUT tahun ini.

"Saya harap ABDB terus cemerlang pada masa-masa akan datang. Alhamdulillah, saya sangat bangga dan juga sangat teruja untuk bersemuka dengan Kebawah DYMM dan berharap dapat bergambar dengan baginda," ujarnya lagi.



Serlah kredibiliti, diplomasi pertahanan negara

RIMBA, Rabu, 31 Mei. - Penglibatan Independent Decommissioning Body, Verification, Monitoring and Assistance Team-4 (IDB VMAT-4) Negara Brunei Darussalam (NBD) di Mindanao merupakan satu sumbangan yang penting bukan sahaja kepada penduduk di sana yang menghadapi konflik berdekad lamanya, tetapi juga ia melambangkan komitmen Kerajaan NBD kepada kestabilan serantau Asia Tenggara yang turut menghadapi pelbagai isu geopolitik yang lain. Perkara tersebut dikongsi oleh 977 Leftenan



Komander Muhammad Muizz bin Haji Md. Jaini IDB, Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), semasa ditemui bual Pelita Brunei pada Sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-62 di Pangkalan Tentera Udara Rimba, Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), di sini.

977 Leftenan Komander Muhammad Muizz juga selaku anggota ABDB daripada Kontinjen IDB VMAT-4 bertugas sebagai Verification and Monitoring Assistance Team Leader (VMAT Leader), mewakili Kontinjen IDB VMAT-4 memulakan tugas pada 21 Mac 2022 dan menyerahkan tugas tersebut kepada Kontinjen IDB VMAT-5 pada 30 April 2023.

Menurutnya, secara keseluruhan, mandat utama IDB VMAT, yang disertai oleh beberapa buah negara seperti Kingdom of Norway, Republik Turkiye, NBD dan Jepun adalah untuk memastikan bahawa proses *decommissioning* bagi Ahli-ahli Moro Islamic Liberation Front (MILF) berjalan dengan lancar.

Tambahnya, ini adalah kesinambungan daripada proses damai di Selatan Filipina di antara Government of the Philippines (GPH) dan pihak MILF.

977 Leftenan Komander Muhammad Muizz bin Haji Md. Jaini IDB, Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB).

Selain daripada itu katanya, anggota ABDB juga dipertanggungjawabkan untuk bertugas di Secured Arms Storage Area (SASA). GPH serta MILF juga mendukung usaha ini dengan menyumbangkan anggota IDB VMAT masing-masing agar kesemua proses berkenaan dikendalikan dengan penuh kesaksamaan.

Misi ini juga terangnya lagi, akan dinaiktarafkan imej, kredibiliti serta diplomasi pertahanan negara di mata dunia.

Beliau seterusnya menambah, pada dasarnya, kejayaan IDB VMAT-4 ini bergantung kepada semangat kerjasama dan perkongsian objektif di antara semua pihak yang berkepentingan sama ada dalam kalangan agensi dan organisasi tempatan mahupun asing.

Ketulusan bekerja IDB VMAT-4 jelasnya, adalah untuk penduduk Republik Filipina amnya dan bagi Mindanao khasnya untuk dapat mencapai keamanan dan kedamaian yang sekian lama diidamkan.

"Dari pengalaman saya dari kawasan konflik, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana memberi saya peluang ini untuk mewakili NBD dengan cemerlang.

ingin mengucapkan Selamat HUT ABDB yang Ke-62 Tahun," ujarnya lagi.

Sementara itu, Pegawai Memerintah Skuadron Pesawat Taktikal Armada, TLDB, Leftenan Komander Shahbillellah Ikhwani bin Haji Ramlee, TLDB semasa ditemui menyarankan agar para beliau yang ingin menceburi bidang ketenteraan, sentiasa menanamkan sifat keazaman yang tinggi, gigih untuk terus mempelajari pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran selaras dengan perkembangan teknologi serta memupuk pelbagai nilai kepimpinan yang berkualiti.

Ini menurutnya, adalah di antara ciri-ciri yang



perlu ada dalam diri beliau untuk menjadi seorang tentera yang mempunyai kompetensi kepimpinan, berkemahiran tinggi, berkemampuan untuk menghadapi apa juga cabaran pada masa akan datang.

Pada masa yang sama katanya lagi, akan memastikan ABDB akan dapat terus maju untuk menjadi sebuah organisasi moden yang diterajui oleh generasi beliau yang inovatif dan berwawasan demi mempertahankan dan mengukuhkan kedaulatan NBD.

"Akhirnya, saya ingin mengucapkan Selamat HUT ABDB yang Ke-62 Tahun kepada semua anggota tentera yang berkhidmat di dalam ABDB mahupun anggota yang telah bersara.

"Pencapaian dan perkembangan dikecapi oleh ABDB di sepanjang 62 tahun ini adalah hasil usaha gigih dan jasa bakti bersama dan diharapkan semua anggota ABDB akan terus memberikan khidmat bakti serta komitmen tinggi.

"Di samping itu, menjadi inspirasi kepada generasi beliau untuk memupuk minat untuk menceburi bidang ketenteraan," ujarnya lagi.

PEGAWAI Memerintah Skuadron Pesawat Taktikal Armada, TLDB, Leftenan Komander Shahbillellah Ikhwani bin Haji Ramlee, TLDB.

TEKUN, KREATIF, PRODUKTIF UNTUK KEMAJUAN

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

AWANG Afiq Jazimin bin Emran yang mengikuti jurusan dalam Kuliah Syariah, Program Usuluddin Tafsir Hadith.



AMMAN, JORDAN, Jumaat, 2 Jun. - Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk serta Penuntut Negara Brunei Darussalam yang berada di Kerajaan Hasyimiah Jordan merupakan satu detik keemasan yang perlu diambil oleh kesemua rakyat yang berada di luar negara kerana ia merupakan satu detik yang berharga dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dengan adanya majlis seumpama ini, ia antara lain, memberi peluang keemasan kepada mereka untuk berjumpa ziarah di samping mengongsikan perkembangan pengajian masing-masing ke hadapan



YANG Di-Pertua Persatuan Pelajar Negara Brunei Darussalam di Jordan, Awang Muhammad Hisyamuddin bin Haji Mahadini.

majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Perasaan saya sangat teruja dan berbesar hati ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan

baginda ke majlis ini, justeru, mencerminkan akan keprihatinan dan sikap pemedulian baginda terhadap rakyat di mana sahaja mereka berada," ujar Yang Di-Pertua Persatuan Pelajar Negara Brunei Darussalam di Jordan, Awang Muhammad Hisyamuddin bin Haji Mahadini ketika ditemui media pada majlis tersebut.

Ketika ditanya mengenai cabaran utama semasa melanjutkan pengajian di negara tersebut, mahasiswa dalam jurusan Tahfiz Qiraat, Usuluddin tersebut seterusnya menjelaskan bahawa cabaran utama adalah dari segi menyesuaikan diri apatah lagi di sebuah negeri Arab khususnya dalam menjalani kehidupan seharian.

"Namun perkara tersebut dapat diatasi dengan pergaulan dan memperbanyakkan pertanyaan yang sering diajukan kepada orang-orang Arab," jelasnya lagi.

"InsyaaAllah, saya akan terus berusaha untuk mengembangkan lagi ilmu khususnya Ilmu Qiraat di Negara Brunei Darussalam agar ia dapat diketahui oleh setiap lapisan masyarakat," ujarnya lagi mengakhiri temu bual bersama media.

Manakala bagi Awang Afiq Jazimin bin Emran yang mengikuti jurusan dalam Kuliah Syariah, Program Usuluddin Tafsir Hadith mengongsikan bahawa peluang bersua muka dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia adalah satu kenangan yang berharga dan manis.

"Saya bersyukur kepada Allah, atas keprihatinan Kebawah DYMM terhadap pelajar-pelajar yang berada di sini, ia setentunya, kenangan yang tidak akan mudah dilupakan," ujarnya lagi.

Semasa ditemui media, Awang Afiq Jazimin seterusnya mengongsikan pengalamannya di mana sebagai seorang pelajar di bawah biasiswa kerajaan di Jordan, cabaran yang perlu dihadapi adalah menyesuaikan diri dengan sistem pendidikan universiti di mana sistem pendidikan di negara tersebut amat berbeza dari sudut pembelajaran dan imtihan.

"Namun dengan penetapan silibus yang banyak di universiti, saya cenderung menggunakan teknik menelaah pembelajaran sebelum muhadarah dan mengulangnya kembali selepas muhadarah," ujarnya lagi kepada media.

Seterusnya, media juga berpeluang untuk bertemu dengan Dayang Ayu Nadheerah binti Minen iaitu seorang mahasiswi dalam Sarjana Muda Usuluddin (Aqidah dan Dakwah).

"Alhamdulillah thumma Alhamdulillah atas rezeki dan peluang untuk menyambung pengajian selama dua tahun di Irbid, Jordan di bawah Biasiswa Kerajaan Kebawah DYMM. Tidak saya nafikan bahawa dua semester di sini bukanlah satu perjalanan yang mudah, terutama sekali bila perlu berjauhan daripada keluarga, maka di sini teman-teman seperjuanganlah yang menjadi keluarga kami serta pembangkit semangat sesama kami dalam mengharungi dua semester di sini.

"Selain itu, sistem pembelajaran yang agak berbeza serta bahasa penghantar yang merupakan bahasa Arab secara penuh, persekitaran serta budaya yang baharu turut menjadi cabaran untuk kami di sini. Namun sedemikian, saya percaya bahawa cabaran-cabaran ini yang menjadikan kami lebih kuat dan bersemangat dalam usaha kami menuntut ilmu di mana pun kami berada.

"Adapun saranan saya kepada kawan-kawan di luar sana yang ingin melanjutkan pembelajaran di sini, kita sebagai penuntut jangan pernah berasa malu lebih-lebih lagi untuk berkomunikasi dan bertanya pada guru apabila ada kemusykilan serta membiasakan untuk mengulang kaji berkumpulan bersama kawan-kawan di sini.

"Malah yang paling utama adalah untuk memperbetulkan niat belajar dan menuntut ilmu kerana Allah

Subhanahu Wata'ala dan bukan hanya demi sekeping kertas ijazah sarjana semata-mata," ujarnya kepada media.

Dayang Ayu Nadheerah seterusnya menjelaskan bahawa setelah menamatkan pengajian nanti, beliau berharap akan dapat berkhidmat di sektor kerajaan dan bersedia untuk mengongsikan segala pengetahuan saya agar dapat memberi manfaat untuk masyarakat amnya.

"Adapun sebagai rancangan sandaran, saya berencana untuk berkhidmat dengan organisasi yang bertujuan untuk memotivasi para belia agar para belia lebih tekun, kreatif dan produktif sehingga menjurus kepada kemajuan negara," ujarnya lagi.

Tatkala mengongsikan akan perasaan mengenai majlis yang diadakan, beliau berasa amat bersyukur kerana mempunyai seorang raja yang adil dan prihatin terhadap rakyatnya bukan sahaja di dalam negara bahkan juga rakyatnya yang sedang bermastautin di luar negara. Majlis ramah mesra, tambahannya lagi, sudah semestinya akan menjadi salah satu kenangan manis di bumi Jordan yang akan diimbau kembali di kemudian hari.

Bagi Dayang Mardhiah binti Rozalan yang mengikuti jurusan Syariah Fiqh dan Usuluddin juga turut mengongsikan bahawa UNISSA menawarkan pendidikan berkualiti dengan memberi peluang kepada pensyarah yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan latar belakang untuk berkongsi pengetahuan mereka.

"Walaupun begitu, UNISSA sebagai universiti yang berprestij masih mengadakan majlis ilmu seperti himpunan Talaqqi di Surau Syafiee untuk menghidupkan cara pengajian ahli ulama terdahulu. Ini memberikan kami sebagai pelajar untuk mengalami cara ulama belajar dahulu dan pada waktu yang sama meluaskan fikiran kami dalam bidang Syariah Islamiah yang bersifat dinamik," tambahannya lagi.

"Antara pengalaman manis saya apabila dilantik sebagai Ketua Exco bagi Unit Hal Ehwal Antarabangsa bawah MPP UNISSA. Di mana UNISSA memberikan pelajar antarabangsa satu platform untuk menyuarakan suara serta idea-idea untuk

DAYANG Mardhiah binti Rozalan yang mengikuti jurusan Syariah Fiqh dan Usuluddin.



DAYANG Ayu Nadheerah binti Minen, mahasiswi dalam Sarjana Muda Usuluddin (Aqidah dan Dakwah).

bersama menjayakan UNISSA sebagai satu institusi yang diiktirafkan standard antarabangsa.

"Antara majlis yang didirikan adalah International Day pada tahun 2022 di mana ia dijayakan seramai 100 pelajar antarabangsa bersama. Kami sebagai pelajar amat hargai inisiatif UNISSA untuk menjadi satu tempat di mana jati diri kami tidak dilupakan dan kami telah melukiskan kenangan manis bersama sama dengan pelajar tempatan juga," ujarnya mengakhiri temu bual bersama media.



PENTING

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

BARU

IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihidangkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Lamin Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja



DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

⚠ Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

✓ Memahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.



PUTERA MAHKOTA JORDAN MENDIRIKAN RUMAH TANGGA DENGAN ARKITEK ARAB SAUDI



AMMAN, 2 Jun. - Putera Mahkota Jordan Al Hussein bin Abdullah II mendirikan rumah tangga dengan pewaris diraja Arab Saudi yang juga seorang arkitek Rajwa Al Saif pada Khamis dalam majlis perkahwinan yang dihadiri keluarga diraja dari seluruh dunia. Pernikahan itu berlangsung di Istana Zahran di ibu negara Jordan, Amman dengan Raja Abdullah II,

Putera Hassan bin Talal dan bapa pengantin perempuan menjadi saksi, lapor agensi Anadolu. Selepas majlis pernikahan, televisyen kendalian kerajaan melaporkan bahawa putera mahkota dan pengantin perempuan mengelilingi ibu kota dalam perarakan kereta diraja ke Istana Al Husseinia untuk majlis resepsi. Sejurus selepas majlis

pernikahan itu, Al Saif dianugerah gelaran puteri menerusi titah diraja. Raja dan Permaisuri menganjurkan majlis resepsi perkahwinan itu di Istana Al Husseinia yang dihadiri lebih 1,700 tetamu dari pelbagai negara, termasuk pemimpin negara. Raja Abdullah mempunyai empat orang anak: Putera Mahkota

Hussein (29), Puteri Iman (27), Puteri Salma (23) dan Putera Hashim (18). Putera Hussein merupakan pewaris takhta Jordan yang sah seperti yang dinyatakan dalam perenggan pertama Perkara 28 Perlembagaan. Majlis perkahwinan Putera Mahkota Hussein dihadiri oleh Yang di-Pertuan Agong Malaysia Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, Raja

Belanda Willem-Alexander, Presiden Iraq Abdul Latif Rashid, Perdana Menteri Lubnan Najib Mikati, Putera Mahkota Kuwait Mishal Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah dan isteri Presiden AS Joe Biden Jill Biden dan anak perempuannya Ashley Biden. - ©BERNAMA

Presiden Mnangagwa tetapkan tarikh pilihan raya Zimbabwe pada 23 Ogos

HARARE (Zimbabwe), 1 Jun. - Presiden Emmerson Mnangagwa pada Rabu mengumumkan 23 Ogos depan sebagai tarikh di mana Zimbabwe akan mengadakan pilihan raya umum.

Menurut notis warta kerajaan, beliau juga menetapkan 21 Jun yang akan datang sebagai tarikh di mana mahkamah pencalonan akan duduk di seluruh negara untuk menerima permohonan daripada parti politik dan calon mereka untuk mengambil bahagian dalam pilihan raya.

Mnangagwa juga mengumumkan 2 Oktober 2023 sebagai tarikh di mana pilihan raya presiden peringkat kedua akan diadakan, sekiranya diperlukan.

Beliau sepatutnya mengumumkan tarikh pilihan raya dan pencalonan mahkamah pada Isnin, tetapi menangguh pengumuman itu ke Rabu.

Parti pemerintah Zanu-PF dan parti pembangkang Citizens Coalition for Change (CCC) akan menjadi pesaing utama dalam pilihan raya ini, tetapi beberapa parti politik kecil juga dijangka mengambil bahagian.

Pengumuman tarikh pilihan raya secara rasmi memulakan musim kempen, yang selama ini kurang hangat untuk semua parti.

Pilihan raya ini akan melibatkan pemilihan presiden negara, wakil parlimen, dan wakil kerajaan tempatan secara serentak.

Pengumuman presiden pada hari Rabu dibuat berikutan penyiapan dan pewartaan sempadan pilihan raya kawasan baharu oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Zimbabwe (ZEC), yang akan digunakan dalam pilihan raya umum yang akan datang.

Berbeza dengan tempoh persediaan pilihan raya sebelum ini, sahsana politik di negara itu adalah tenteram dan tidak ada laporan tentang keganasan berkaitan dengan pilihan raya.

Dalam pilihan raya terakhir pada tahun 2018, Zanu-PF menang besar manakala Presiden Mnangagwa juga mengalahkan lebih daripada 20 pencabarnya dengan selesa.

Dalam pilihan raya kali ini Zanu-PF akan menonjolkan reformasi ekonomi yang dilaksanakannya yang telah menstabilkan ekonomi yang sebelum ini merudom dan kini menjadi asas baharu untuk pertumbuhan dalam tahun-tahun mendatang.

Sementara itu, Kementerian Luar Negeri Zimbabwe pada hari Rabu memanggil diplomat utama

Amerika Syarikat di Harare berhubung dengan apa yang dianggap sebagai campur tangan kedutaan itu dalam pilihan raya bulan Ogos itu.

Elaine French, Kuasa Usaha kedutaan Amerika Syarikat, telah dipanggil oleh Kementerian berkenaan dengan kiriman media sosial di mana misi diplomatik itu menggesa rakyat Zimbabwe untuk mendaftar secara beramai-ramai untuk mengundi dan menyuarakan pendapat mereka dalam pilihan raya umum yang akan datang.

Rofina Chikava, seorang pegawai kanan dalam kementerian itu, memberitahu French bahawa kerajaan menganggap kiriman media sosial kedutaan Amerika Syarikat sebagai campur tangan dalam pilihan raya dan menuntut agar tindakan itu dihentikan.

Campur tangan Amerika Syarikat dalam urusan dalaman Zimbabwe, terutamanya proses pilihan raya, bukanlah perkara baru. Negara itu telah membiayai parti pembangkang dan mengenakan sekatan terhadap negara tersebut dalam usaha untuk menjatuhkan kerajaan sebagai pembalasan atas pelaksanaan reformasi tanah. - ©BERNAMA

Pemerintah Dubai umum bina pulau berbentuk pokok palma dikenali Palm Jebel Ali

DOHA, 1 Jun. - Perdana Menteri Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Pemerintah Dubai Sheikh Mohammed bin Rashid Al Maktoum pada Rabu mengumumkan sebuah pulau baharu berbentuk pokok palma tiruan dikenali Palm Jebel Ali, bakal dibina di selatan bandar itu, lapor Sputnik.

"Dubai semakin berkembang pesat dan makmur. Hari ini kami mengumumkan rancangan untuk membina projek baharu - Palm Jebel Ali - dengan keluasan dua kali ganda saiz Palm Jumeirah," katanya di Twitter.

Pulau baharu itu akan mempunyai pantai sepanjang 110 kilometer (68 batu) dan lebih 80 hotel serta kompleks pelancongan bagi menarik pelancong dari seluruh dunia.

"Kami telah mengumumkan matlamat kami untuk menggandakan ekonomi Dubai menjelang 2033 dan setiap hari kami menambah bata baharu untuk membina bandar tercantik di dunia," katanya.

Sebelum ini, pulau buatan Palm Jumeirah dibina di Dubai pada tahun 2006. Pihak berkuasa Dubai memutuskan untuk memperluas garis pantai berhampiran Dubai bagi mendirikan infrastruktur resort tambahan pada masa hadapan.

Batu dan pasir dari laut digunakan untuk membina pulau itu memandangkan pasir dari padang pasir tidak sesuai. Pulau ini mempunyai hotel mewah, vila, pusat hiburan dan pantai berpasir. - ©BERNAMA

Dewan perwakilan AS lulus perjanjian siling hutang Biden-McCarthy

WASHINGTON, 1 Jun. - Dewan Perwakilan Amerika Syarikat (AS) meluluskan perjanjian yang dirundingkan oleh Presiden Joe Biden dan Speaker Dewan Kevin McCarthy untuk menaikkan had hutang AS sebelum tarikh akhir bayaran hutangnya pada 5 Jun, lapor Sputnik.

Ahli Parlimen meluluskan rang undang-undang (RUU) itu, Akta Tanggungjawab Fiskal, pada Rabu dengan undian 314-117.

RUU itu kini akan dibawa ke Senat yang memperoleh sokongan Ketua Majoriti Chuck Schumer dan Ketua Minoriti Mitch McConnell.

Perjanjian yang dirundingkan oleh Biden dan McCarthy itu akan menaikkan siling hutang AS selama dua tahun sebagai pertukaran kepada pembaharuan fiskal yang terhad, seperti menuntut semula dana pemulihan COVID yang tidak dibelanjakan dan membatalkan beberapa pembiayaan Perkhidmatan Hasil Dalam Negeri. - ©BERNAMA

Lebih 46,000 penduduk di Selatan Jepun diarah pindah akibat Taufan Mawar

TOKYO, 1 Jun. - Pihak berkuasa Jepun mengeluarkan arahan berpindah kepada lebih 46,000 penduduk bandar Nanjo di wilayah Okinawa ekoran Taufan Mawar kini menghampiri wilayah itu, lapor Sputnik.

Penduduk yang tinggal di kawasan pantai digesa berpindah ke tempat selamat susulan amaran bahaya

tahap empat pada skala lima telah diisytiharkan.

Sementara itu, amaran bahaya tahap tiga diisytiharkan di kawasan bandar yang menggesa pemindahan segera warga emas dan mereka yang terhad pergerakan, lapor penyiar NHK pada Khamis.

Taufan Mawar yang sangat kuat kini berada di luar pantai Okinawa.

Tekanan di tengah taufan mencecah 970 hektopascal dan angin melebihi kelajuan 30 meter sesaat (67 batu sejam), dengan tiupan sehingga 45 meter sesaat.

Mawar dijangka bertukar arah ke timur laut dan melepasi selatan bahagian utama Jepun dalam tempoh 24 jam akan datang. - ©BERNAMA

Kanada cetak amaran bahaya merokok pada setiap batang rokok

NEW YORK, 1 Jun. - Jabatan Kerajaan Kanada, Health Canada, akan mencetak amaran bahaya merokok pada setiap batang rokok, satu langkah yang pertama seumpamanya di dunia, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Perokok akan dapat melihat amaran seperti "rokok menyebabkan kanser" dan "racun dalam setiap sedutan" setiap kali mereka menghisap rokok, menurut penyiar Canadian Broadcasting Corporation (CBC).

Amaran lain yang dicetak pada rokok, termasuk "rokok merosakkan organ anda" dan "asap tembakau membahayakan kanak-kanak" apabila mandat persekutuan dilaksanakan ke atas rokok bersaiz king mulai 1 Ogos.

Pengeluar rokok bersaiz biasa mempunyai masa sehingga 31 Julai 2024 untuk mencetak amaran pada rokok, manakala pengeluar cigarillo mempunyai masa sehingga 30 April 2025.

Menteri Kesihatan Bersekutu Kanada dan Menteri Kesihatan Mental dan Ketagihan, Carolyn Bennett, berkata amaran pada setiap batang rokok berserta "imej grafik terkini" pada pembungkusan merupakan pendekatan baharu dan berani dalam menyelamatkan nyawa.

"Penggunaan tembakau menyebabkan 48,000 kematian di Kanada setiap tahun dan kami menjadi negara pertama di dunia yang melabelkan setiap batang rokok dengan mesej amaran

kesihatan," kata Bennett.

Ketua eksekutif Yayasan Jantung dan Strok Kanada, Doug Roth berkata: "Tembakau kekal sebagai punca utama penyakit dan kematian yang boleh dicegah di Kanada dan langkah baharu yang penting ini akan melindungi belia dan membantu untuk berhenti merokok".

Seorang peguam antirokok memberitahu CBC, beliau juga mahu melihat pembaharuan pembungkusan itu turut digunakan untuk produk vape berdasarkan tinjauan tembakau, alkohol dan dadah pelajar Kanada yang diterbitkan baru-baru ini mendapati remaja di Kanada merupakan pengguna vape tertinggi di dunia. - ©BERNAMA

Budak tiga tahun maut ditikam di Sydney

SYDNEY, 1 Jun. - Seorang kanak-kanak lelaki berusia tiga tahun maut dan seorang lelaki berusia 45 tahun kritikal akibat ditikam dalam kejadian yang berlaku di Sydney pada Rabu dan kes dipercayai mempunyai kaitan dengan keganasan rumah tangga, lapor Xinhua.

Menurut kenyataan pasukan Polis New South Wales (NSW), perkhidmatan kecemasan menerima panggilan mengenai kes di sebuah unit di kompleks Washington Avenue, Riverwood pada 4 petang waktu tempatan dan menemukan budak lelaki tiga tahun maut, manakala lelaki berusia 45 tahun cedera parah. Paramedik merawat mangsa di tempat kejadian sebelum dibawa ke hospital.

Pada sidang akhbar pada petang Rabu, Superintendan Pasukan Polis NSW Sheridan Waldau berkata mangsa yang parah itu telah menjalani pembedahan dan kini dalam keadaan stabil. Beliau berkata seorang wanita telah menghubungi Triple Zero.

Polis percaya wanita berkenaan tinggal di unit berkenaan sendirian dan merupakan ahli keluarga kepada mangsa yang cedera tetapi bukan ibu kepada kanak-kanak itu. "Kami dimaklumkan ibu budak itu meninggal dunia beberapa tahun lalu," kata Waldau. - ©BERNAMA



KONTINJEN NEGARA BERLEPAS KE SUKAN PARA ASEAN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 31 Mei. - Seramai 21 ahli Kontinjen Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada Chef de Mission, Ketua Urus Setia, dua Fisioterapi, empat Jurulatih, Penolong Jurulatih, lapan atlet sukan Olahraga,

dua atlet sukan badminton dan dua atlet sukan renang telah berlepas ke Phnom Penh, Kemboja bagi menyertai Kejohanan Sukan Para ASEAN Ke-12 yang akan berlangsung pada 3 hingga 9 Jun 2023.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar serta memberikan kata-kata nasihat ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji

YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada kontinjen negara yang menyertai Kejohanan Sukan Para ASEAN Ke-12.

Mohamad. Kontinjen Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Chef de Mission, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor.

Turut hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kemboja ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Lim Hokseng; Setiausaha

Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud serta pegawai-pegawai kanan KKBS.

Erat silaturahmi melalui Sukan Ria

Oleh : Dk Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Alishahrin Haji Mumin



SESI bergambar ramai pada Sukan Ria bersempena dengan Hari Keluarga Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan, Mukim Sengkurong (kiri), manakala gambar kanan, acara dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti sukan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 31 Mei. - Biro Wanita Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sengkurong 'B' mengadakan Sukan Ria bersempena dengan Hari Keluarga Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan, Mukim Sengkurong, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu khas pada acara tersebut ialah Pengerusi Biro Wanita MPK Sengkurong 'B', Hajah Rukiah binti Haji Mohammad Yassin.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Selawat Tafrijiyah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah.

Seterusnya, ucapan daripada

Pengerusi Biro Wanita MPK Sengkurong 'B' dan perasmian acara tersebut.

Acara dimeriahkan dengan beberapa aktiviti sukan kekeluargaan seperti membawa bola pingpong menggunakan sudu; meniup belon; memindah kacang menggunakan chop stick.

Selain itu, makan roti; mencari benda; Peraduan Mewarna Logo dan Peraduan Menganyam Ketupat.

Antara tujuan acara sukan ria dijalankan adalah untuk memupuk perasaan muhibah dan kemesraan dalam kalangan penduduk kampung bersama Ahli-ahli MPK di sana.

Sementara itu, ia juga memfokuskan kepada nilai-nilai kekeluargaan Brunei: sayang-menyayangi, bertanggungjawab, hormat - menghormati dan pemedulian; untuk mengukuhkan nilai teras kekeluargaan dalam konteks Negara Brunei Darussalam selaras dengan perancangan dan pengukuhan dasar sebagai landasan dalam sosial Blueprint dan Pelan-pelan Tindakan di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS).

Turut hadir, Jawatankuasa Tertinggi Biro Wanita MPK Sengkurong 'B'; Ahli-ahli Biro Wanita MPK Sengkurong 'B', Mukim Sengkurong dan keluarga masing-masing.

Tahukah Awda

PERKHIDMATAN Tanker Pembetulan dikendalikan oleh Jabatan Saliran dan Pembetulan, Jabatan Kerja Raya di bawah Kementerian Pembangunan bagi perkhidmatan pembersihan sistem sanitasi / pembetulan bangunan termasuk kerja pengosongan tangki septik dan perengkap lelemak. Syarat / Kriteria AM bagi perkhidmatan ini ialah agensi kerajaan dan orang awam yang mengalami masalah kesumbatan atau limpahan air najis di sistem sanitasi / pembetulan bangunan pejabat atau kediaman termasuk perengkap gegeluk, tangki septik, perengkap lelemak dan stesen pam.

SUMBER : <https://www.gov.bn>.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

ASUH DIRI DENGAN SIKAP BERSABAR TERHADAP APA JUA UJIAN YANG DITIMPAKAN